

BAB 2

BAB 2

LATARBELAKANG PERKEMBANGAN AJARAN QÁDIANI

Pendahuluan

Bab ini menyentuh secara langsung tentang perkembangan Qadiani yang mengandungi dua bahagian utama iaitu mengenai kemunculan Qadiani dari perspektif sejarah serta riwayat hidup pengasasnya. Manakala bahagian kedua menyentuh tentang perkembangan Qadiani di Malaysia dengan membahaskan secara khusus kegiatan dan aktiviti di Baitussalam, Kg. Nakhoda sebagai pusat gerakan Qadiani Malaysia serta beberapa negeri sebagai contoh. Selain daripada itu, penulis turut mengemukakan faktor-faktor yang mendorong sebahagian dari masyarakat Islam Malaysia tertarik dan seterusnya mengikuti ajaran itu.

Maklumat mengenai latarbelakang pengasas juga sejarah penubuhan Qadiani berpandukan kepada dua sumber utama iaitu buku-buku hasil penulisan pengikut Qadiani juga bukan pengikut ajaran tersebut. Penulis turut menjadikan penulisan bukan Qadiani sebagai rujukan utama memandangkan mereka berasal dari tempat yang sama dengan pengasas Qadiani, kepakaran mereka dalam bahasa Urdu yang merupakan bahasa pengantar utama pengasas ajaran tersebut juga mereka turut mengikuti perkembangan ajaran Qadiani di India.

A. Pengenalan Qadiani

1. Sejarah Kemunculan Aliran Kepercayaan Qadiani

Pengaruh Islam mula bertapak di India selepas kejayaan Muhammad ibn Kasim menakluki negeri Sindh iaitu daerah Sungai Indus di utara India. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun 712 Masihi bersamaan 93 Hijrah atas perintah khalifah Walid II.¹ Ajaran Islam yang meletakkan persamaan taraf sesama manusia telah mendapat sambutan di India terutama dari golongan yang menduduki kasta Sudra dan Paria. Kegembilangan Islam sampai ke puncak apabila kerajaan Islam Monghul berjaya didirikan pada tahun 1526M bersamaan 932H sekaligus meruntuhkan Persekutuan Hindu yang diketuai oleh Rana Sangha.² Walau bagaimanapun, ajaran Islam ketika itu masih dipengaruhi oleh budaya dan tradisi Hindu yang telah berakar umbi dalam hidup penduduk-penduduk di India.

Kerajaan Islam Monghul hanya mampu bertahan sehingga abad ke 19 apabila Inggeris berjaya menguasai India pada tahun 1857.³ Kedatangan Inggeris sememangnya mendapat tentangan umat Islam yang masih berpegang teguh pada ajaran Islam. Institusi-institusi pengajian tinggi dan

¹ David Sinclair, *A History Of India*, 1947, cet. 5, Madras; Geoffrey Cumberlege Oxford University Press, hlm. 54.

Lihat Mulia, *India : Sejarah Politik Dan Pergerakan Kebangsaan*, 1949, t.c., Jakarta; Balai Pustaka, hlm. 38.

² Mulia, *Ibid*, hlm. 45.

³ 'Abd. al-Rahman 'Amirat, *al-Madhhab al-Mu'asirat Wa Mauqif al-Islām Minha*, 1984, cet. 5, al-Mamlakat Dār al-Liwa 'al-'Arabiyya al-Saudiyya, hlm. 275.

agama, pondok-pondok serta masjid-masjid telah bertukar menjadi kem-kem melatih para mujahid untuk menentang Inggeris.

Rentetan daripada kemasukan ini, beberapa pengkaji telah menghubungkaitkan dengan sejarah kemunculan Qadiani. Penulis artikel “*Al-Qādiyāniyat Thaurat ‘la al-Nubuwwah al-Muhammadiyat wa al-Islām*”, mengulas bahwa ajaran Qadiani telah dilahirkan oleh politik Inggeris yang merasa tergugat dengan gerakan mujahid Imam Ahmad bin U’rfan pada tahun 1842.⁴ Gerakan yang dipelopori oleh Imam tersebut berjaya mengumpulkan umat Islam di India untuk bangkit menentang Inggeris.

Bagi menangani pemberontakan ini, pihak Inggeris melihat perlu ada individu yang menggunakan pengenalan sebagai seorang Islam tetapi disebalik itu melaksanakan program-program yang boleh merosakkan akidah umat Islam serta memusnahkan semangat jihad mereka. Langkah pertama mereka ialah mengadakan pakatan sulit dengan Ahmad bin Bahadur, berbangsa India yang sentiasa mendampingi Inggeris untuk mendapat habuan.⁵ Beliau menulis buku-buku membenarkan ajaran Taurat dan Injil yang terpesong, sehingga beliau sanggup mengaku sebagai seorang Nasrani dan melahirkan fahaman bahawa alam terjadi dengan sendiri. Melalui bantuan Inggeris, Sekolah Muhammadiyah telah

⁴ Al-Nadawi, Abū al-Hassan ‘Ali al-Ḥusaynī, “al-Qādiyāniyat Thaurat ‘la al-Nubuwwah al-Muhammadiyat wa al-Islām”, *Thalāth Rasā'il ‘An al-Qādiyāniyyat*, t.t., c.c., Kuwait; Maktabat Dār al-Bayān, hlm. 5. (Selepas ini al-Nadawi).

⁵ Abd. al-Rahmān ‘Amirat, *op.cit.*, hlm. 277.

ditubuhkan oleh Ahmad Bahadur dengan tujuan untuk melahirkan anak-anak Islam yang terpesong pemikirannya.

Gerakan Ahmad Bahadur dianggap sebagai permulaan kepada lahirnya ajaran Qadiani yang diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad.⁶ Kemunculan Mirza beserta idea-idea yang berlainan dengan pegangan umat Islam merupakan sebaik-baik pilihan untuk menjadi wakil Inggeris dikalangan umat Islam.

Pendek kata, kelahiran pergerakan Qadiani memperlihatkan peranan besar yang dimainkan oleh Inggeris. Dibelakang tabir Inggeris telah menjadikan pergerakan ini sebagai batu loncatan kepada perancangan-perancangan mereka untuk melemahkan umat Islam. Secara tidak langsung, peranan Inggeris ini telah membuka ruang yang lebih besar kepada ajaran Qadiani untuk terus berkembang keseluruh dunia.

2. Riwayat Hidup Pengasas Ajaran Qadiani

Ajaran Qadiani adalah suatu ajaran yang disandarkan kepada tempat kelahiran pengasasnya iaitu di Qadian, India. Ajaran ini diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad bin Ghulam Murtadha bin Atta Muhammad.⁷ (Selepas ini penulis hanya menggunakan singkatan Mirza). Terdapat

⁶ *Ibid.*

⁷ Ihsan Ilahi Zohir, *Al-Qadiyaniyyah Dirásat wa Tahlii*, 1977, cet. 9, Pakistan; Idārah Tarjuman al-Sunnah, him. 125.

penulis yang menyebut namanya sebagai Mirza Ghulam Ahmad Khan.⁸ Anak kepada Mirza Ghulam Murtadha dan Chiragh Bibi ini dilahirkan kembar dengan kakaknya yang kemudiannya meninggal dunia.⁹

Terdapat percanggahan pendapat mengenai tarikh kelahiran Mirza antara pengkaji dari pengikut Qadiani dan sebaliknya. Kebanyakan pengarang buku yang menjadi pengikut ajaran ini menetapkan 13^{hb} Februari bersamaan 14 Syawal 1250 sebagai tarikh kelahiran Mirza.¹⁰ Manakala rata-rata penulis bukan Qadiani berpendapat bahawa tahun kelahiran beliau ialah pada 1839 atau 1840.¹¹ Berdasarkan kajian penulis, 1839 atau 1840 adalah lebih tepat memandangkan fakta-fakta yang dikemukakan oleh pengarang-pengarang merujuk terus dari tulisan asal Mirza tanpa sebarang perubahan atau kepentingan tertentu.

⁸ Howard Arnold Walter, *The Ahmadiyyah Movement*, 1918, Calcutta; Association Press, hlm. 13. (Selepas ini H.A. Walter).

⁹ Iain Adamson, *Mirza Ghulam Ahmad of Qadian*, 1989, t.k.; Elite International Publications Limited, hlm. 7.

¹⁰ Tanpa Pengarang, *Kami Orang Islam*, 1989, cet. 6, Indonesia; Jemaat Ahmadiyah, hlm. 22.

Lihat Mukhlis Ilyas, "Siratul Mahdi", *Kertas Kerja, Naskah Pidato Pada Jalsah Salanah*, 26^{hb} Jun 1993, Anj.: Jemaat Ahmadiyah Indonesia, hlm. 4.

Lihat juga Muhammad Sadiq Barakatullah, *Penerangan Ahmadiyah*, 1956, t.c., Singapura; Jemaat Ahmadiyah, hlm. 317.

¹¹ al-Nadawi, *al-Qādiyānī wa al-Qādiyāniyyat*, 1983, cet. 5, Baghdad; al-Dār al-Su'udiyyat, hlm. 25.

Pendapat ini dikemukakan berdasarkan tulisan yang menyebut bahawa beliau berusia 16 atau 17 tahun pada masa proses kemerdekaan India tahun 1857.

Lihat Ihsan Ilahi Zohir, *op.cit.*, hlm. 127. Pengarang merujuk kepada tulisan Mirza dalam kitab *Al-Bariyat*, hlm. 134 yang menyebut beliau dilahirkan pada tahun 1839 atau 1840. Kenyataan ini turut disokong oleh al-Maudūdī, Abū al-A'la, *Mā Hia al-Qādiyāniyyat*, 1969, cet. 1, Kuwait; Dār al-Qalam, hlm. 15. (Selepas ini al-Maudūdī.)

Lihat H.A.Walter, *op.cit.*, hlm. 13. Walter mengambil 18^{hb} Jun 1839 sebagai tarikh kelahiran Mirza memandangkan tarikh tersebut telah diterima pakai secara umum di dalam biodatanya.

Walau bagaimanapun, semua pengarang sepakat tentang tempat kelahiran Mirza iaitu di sebuah dusun di Qadian, Punjab, India.

Berdasarkan dakwaan-dakwaan yang telah dibuat oleh Mirza di dalam buku-buku karangan beliau, adalah dipercayai Mirza berketurunan Borlos dari Bangsa Monghul.¹² Bapa beliau berasal dari Samarkan yang kemudiannya berhijrah ke Qadian.¹³ Melalui tulisan beliau di dalam *Haqiqah al-Wahyi* halaman 77, beliau mendakwa mendapat ilham menyatakan beliau berasal dari bangsa Parsi.¹⁴ Beliau juga turut mendakwa dari Bani Fatimah dan ahli Bait.¹⁵ Namun begitu apabila diminta mengemukakan bukti daripada dakwaan-dakwaan tersebut, Mirza menyatakan dakwaan tersebut berlandaskan ilham dari Allah semata-mata tanpa sebarang bukti. (*Tohfah Golerwiyah*; hlm. 29).¹⁶

Gelaran Mirza biasanya diberikan kepada kaum nigrat berketurunan raja-raja Islam Dinasti Mongul yang berasal dari Parsi.¹⁷ Kajian yang telah dilakukan oleh pengikut-pengikut ajaran Qadiani mendapati penggunaan gelaran Mirza bermula pada akhir abad ke 16 Masihi apabila Mirza Hadi Beg yang berasal dari Iran membuka sebuah

¹² Ihsan Ilahi Zohir, *op.cit.*, hlm. 125.

¹³ Al-Toyr, Muṣṭōfā Muhammad al-Hadidi, *al-Qawl al-Ḥaqq Fi al-Bābiyyat wa al-Bahā'iyat wa al-Qādiyānīyyat wa al-Mahdiyyat*, 1986, cet. 1, Kaherah; Dār al-Miṣriyyat al-Lubnāniyyat, hlm. 11. (Selepas ini al-Toyr).

¹⁴ Ihsan Ilahi Zohir, *op.cit.*, hlm. 125.

¹⁵ *Ibid.*, hlm. 126.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Tanpa Pengarang; Kami Orang Islam, *op.cit.*, hlm. 22.

kawasan di India, diberi nama Islampur Qadhi.¹⁸ Setelah melalui beberapa proses reformasi, nama Islampur Qadhi hanya tinggal Qadhi dan kini dikenali sebagai Qadiani.

Manakala gelaran Ghulam dinisbahkan kepada nama keluarga Mirza. Oleh demikian, nama sebenar Mirza Ghulam Ahmad ialah Ahmad. Justeru itu, pengikut ajaran Qadiani dikenali sebagai pengikut Jemaat Ahmadiyah.

Bapanya, Mirza Ghulam Murtadha merupakan seorang pegawai tinggi Inggeris. Dari sumber-sumber Qadiani yang telah diteliti oleh para ulama dan tokoh-tokoh Islam mendapati Mirza Ghulam Murtadha bukan sekadar pegawai tinggi biasa, bahkan telah mengabdiakan seluruh kehidupannya bagi memastikan kelancaran perjalanan Inggeris di India.¹⁹ Sikap taat kepada kerajaan Inggeris turut diwarisi oleh anaknya, Mirza. Ini dapat dilihat daripada penulisan-penulisan Mirza yang menyatakan sokongannya terhadap pemerintahan Inggeris di India. Antaranya;

"Sebagaimana yang telah berulangkali saya isytiharkan bahawa, berdasarkan kepada prinsip saya, Islam terdiri dari dua bahagian iaitu (1) Kepatuhan kepada Tuhan dan (2) Kepatuhan kepada Kerajaan iaitu Kerajaan British bagi mengekalkan keamanan dan memberi kita perlindungan

¹⁸ *Ibid.*

Lihat H.A.Walter, *op.cit.*, hlm. 13.

¹⁹ Hamka Haq al-Badry, *Koreksi Total Terhadap Ahmadiyah*, 1981, cet. 1, Jakarta; Yayasan Nurul Islam, hlm. 24.

daripada penindasan pihak musuh.” (Shahadat-ul-Quran, terbitan Punjab Press, Sialkot, Cet. 6)²⁰

Mirza tidak pernah mendapat pendidikan formal di sekolah kerana ketika itu tidak ada sekolah di Qadian.²¹ Namun begitu, beliau yang dilahirkan dan dibesarkan dalam keluarga terhormat mendapat pendidikan awal seperti al-Quran dan bahasa Parsi dari guru-guru terkenal yang datang mengajar di rumah. Ketika berusia 10 tahun beliau mula mempelajari ilmu-ilmu saraf, nahu dan ilmu perubatan.²² Mirza merupakan anak didik kepada Maulavi Fadhil Ilahi, Maulavi Fadhil Ahmad dan Maulavi Gul Ali Shah.²³ Apa yang pasti, Mirza tidak pernah mempelajari ilmu-ilmu agama dari mana-mana institusi keagamaan yang diakui.

Mirza mendirikan rumah tangga pada tahun 1852 (terdapat pendapat menyatakan 1855)²⁴ dengan salah seorang dari kaum keluarganya sendiri bernama Hurmat Bibi.²⁵ Dari perkahwinan tersebut, beliau dikurniakan dua orang cahaya mata iaitu Mirza Sultan Ahmad dan Mirza Fazal Ahmad. Walaubagaimanapun, perkahwinan ini tidak kekal lama. Beliau kemudiannya berkahwin untuk kali yang kedua pada tahun

²⁰ al-Maudūdī, *The Qadiani Problem*, t.t., cet. 3, Lahore; Islamic Publications Ltd., hlm. 37.

²¹ Iain Adamson, *op.cit.*, hlm. 127.

²² İhsan İlahî Zöhir, *op.cit.*, hlm. 127.

²³ al-Nadawī, al-Qādiyānī wa al-Qādiyaniyyat, *op.cit.*, hlm. 26.

²⁴ Iain Adamson, *op.cit.*, hlm. 55.

²⁵ *Ibid*, hlm. 29.

1884 di Delhi dengan anak perempuan Nawab Nasir. Pengikut Qadiani telah mengelarkan isteri keduanya ini '*Ummul Mukminin*'.²⁶ Mirza dikurniakan tiga orang lagi putera iaitu Mirza Bashiruddin Mahmud, Mirza Bashir Ahmad dan Mirza Sharif Ahmad.

Mirza pernah bekerja sebagai kerani rendah di Mahkamah Daerah Sialkot, Punjab selama lebih kurang empat tahun, antara tahun 1864 hingga 1868.²⁷ Setelah gagal dalam peperiksaan jabatannya, Mirza pulang ke Qadian untuk mengendalikan kebun warisan orang tuanya. Namun begitu sebahagian besar masanya dihabiskan kepada pengajian agama. Mirza mula terkenal apabila beliau terlibat dalam perdebatan dengan para pengembang agama Kristian dan Hindu. Hujah-hujah perdebatan beliau telah dimuatkan dalam buku beliau berjudul *Barahin Ahmadiyah*, jilid pertama yang diterbitkan pada bulan Mei 1880.²⁸

Berdasarkan maklumat yang penulis perolehi, kebanyakan penulis (bukan Qadiani) sering menghubungkaitkan latar belakang hidup Mirza dengan taraf kesihatan yang amat buruk walaupun perkara ini dinafikan oleh pengikut-pengikut beliau. Namun begitu, melalui tulisan-tulisan Mirza, beliau memperakui menghidap berbagai penyakit. Ketika muda, beliau sering diserang penyakit hysteria dan kadangkala jatuh tanpa

²⁶ *Ibid*, hlm. 30.

²⁷ al-Maudūdi, *Mā Hia al-Qādiyāniyyat*, *op.cit.*, hlm. 16.

²⁸ Tanpa Pengarang, Kami Orang Islam, *op.cit.*, hlm. 23.

Setahun selepas peristiwa tersebut, pada tanggal 25^{hb} Mei 1908, Mirza telah jatuh sakit akibat penyakit cirit-birit dan taun di Lahore. Beliau meninggal dunia pada 26^{hb} Mei 1908 di Kota Lahore ketika berusia 74 tahun dan dikuburkan di Qadian.³⁵ Manakala Maulana Sanaullah Amritsari meninggal dunia 40 tahun selepas kematian Mirza iaitu pada 15^{hb} Mac 1948 ketika berusia 80 tahun.³⁶

Kemunculan Mirza dicelah kemelut masyarakat India yang sering tertindas serta ketandusan kefahaman Islam begitu dirasai. Namun begitu keperibadian serta dakwaan-dakwaan beliau yang dianggap baru bagi pegangan umat Islam telah menarik minat ulama-ulama Islam untuk turut memberi pandangan dan sebahagian besarnya menentang. Apa yang jelas sekarang, ajaran yang dipelopori oleh Mirza terus mendapat tempat dalam masyarakat dan tersebar hampir keseluruhan dunia.

3. Sejarah Penubuhan Jemaat Ahmadiyah

Gerakan Qadiani di seluruh dunia lebih dikenali dengan nama Jemaat Ahmadiyah berpusat di Rabwah, Pakistan. Nama tersebut diambil bersempena dengan nama pengasasnya iaitu Mirza Ghulam Ahmad.

Penubuhan Jemaat Ahmadiyah merupakan rentetan daripada ilham-ilham yang didakwa diterima oleh Mirza sepanjang beliau

³⁵ Tanpa Pengarang, Survenir Peringatan Seabad Gerhana Bulan Dan Gerhana Matahari, *op.cit.*, hlm. 51.

³⁶ al-Nadawi, *op.cit.*, hlm. 31.

menjalankan tugas-tugas menyebarkan ajarannya. Ilham pertama yang diterima oleh Mirza ialah pada tahun 1876 berbunyi;³⁷

وَالسَّمَاءُ وَالظَّارِقُ

Maksudnya:

“Demi langit dan bintang di waktu pagi.”

Menurut Mirza, ilham tersebut mengisyaratkan bahawa ayah beliau akan meninggal dunia pada waktu matahari telah tenggelam. Mirza juga turut mendakwa menerima beberapa ilham lain sebagai membuktikan kelangsungan hubungannya dengan Allah.

Seterusnya dalam tahun 1880, Mirza memulakan penulisan buku *Barahin Ahmadiyah* yang memuatkan tentang Islam. Buku tersebut terdiri dari empat jilid dan jilid ke empat selesai ditulis pada tahun 1884.

Pada bulan Mac 1882, Mirza mendakwa menerima wahyu dari Allah yang secara langsung memerintahkan beliau untuk menyeru orang ramai bersama menegakkan Islam. Antara kandungan ilham tersebut,³⁸

يَا احْمَدْ بَارَكَ اللَّهُ فِيهِ مَارْمِيْتْ اذْ رَمِيْتْ وَلَكِنَ اللَّهُ رَسِيْ
الرَّحْمَنْ عَلَمَ الْقُرْآنَ لِتَنْذِيرِ قَوْمًا مَأْنَذِرَ آبَانَهُمْ وَلِتَسْتَبِينَ
سَبِيلَ الْمُجْرِمِينَ قُلْ اِنِّي اُمِرْتُ وَأَنَا اُولُو الْمُؤْمِنِينَ.

³⁷ Mukhlis Ilyas, *op.cit.*, hlm. 5.

³⁸ Muhammad Sadiq Barakatullah, *op.cit.*, hlm. 318.

Maksudnya,

"Wahai Ahmad, Allah telah memberi berkat kepada engkau ketika engkau melempar. Sebenarnya bukan engkau melempar bahkan Allah sendiri yang telah melempar. Allah yang Maha Pengasih telah mengajar engkau ilmu al-Quran supaya engkau mengingatkan kepada kaummu sebagaimana telah diperingatkan nenek moyang mereka dan supaya tidak menyusuri jalan orang-orang yang berdosa. Katakanlah aku disuruh dan aku adalah orang mukmin yang pertama."

Mirza telah mengirimkan surat-surat yang berbentuk seruan Islam kepada raja-raja, menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin agama. Antara isi kandungan surat tersebut ialah menjelaskan kedudukan beliau sebagai orang yang telah ditentukan Allah untuk membangun dan menegakkan semula Islam.

Sebagai salah satu langkah untuk memperkuatkan kedudukan serta memudahkan beliau menjalankan tanggungjawab memperkembangkan ajaran, Mirza mula mengorak langkah ke arah penubuhan suatu jamaah dan mengumpul pengikut-pengikut beliau. ^{1^{hb}} Disember 1888, Mirza mengumumkan barangsiapa berhajat kepada keimanan sejati, hendaklah berbaiah kepada beliau. Seruan beliau akhirnya telah mendapat sambutan yang agak menggalakkan apabila beliau secara rasmi menerima baiah dari 40 orang pengikut. Baiah tersebut telah berlangsung di rumah sahabat beliau Mio Ahmad Jaon di Kota Ludhiana pada 23^{hb} Mac 1889. Orang pertama baiah untuk menjadi pengikut Mirza

ialah Maulana Hafiz Hakim Nuruddin.³⁹ Secara rasmi Jemaat Ahmadiyah mula terbentuk dan berkembang.

Hari demi hari jemaat ini semakin mendapat sambutan daripada penduduk India. Pertambahan bilangan pengikut ini telah mendorong Mirza untuk mengumpulkan pengikut-pengikut Jemaat Ahmadiyah dalam satu program yang dikenali sebagai Jalsah Salanah. Jalsah Salanah pertama Jemaat Ahmadiyah telah berlangsung pada Disember 1891 dengan dihadiri oleh kira-kira 75 orang pengikut. Jalsah Salanah telah menjadi program tahunan yang tetap pada jemaat ini diseluruh dunia sehingga sekarang. Perincian tentang bentuk-bentuk program di dalam Jalsah Salanah akan penulis muatkan dalam bahagian aktiviti-aktiviti Jemaat Ahmadiyah di Malaysia.

Bagi memastikan keutuhan Jemaat Ahmadiyah, Mirza telah mencadangkan beberapa polisi kepada pengikut-pengikutnya. Pada tahun 1898, Mirza telah melarang pengikut Jemaat Ahmadiyah mengahwinkan anak-anak perempuan mereka dengan orang-orang bukan Ahmadi. Selain daripada itu, selepas mempertimbangkan sikap pihak yang tidak menyertai Jemaat Ahmadiyah terhadap jemaat tersebut, beliau

³⁹ Mukhlis Ilyas, *op.cit.*, him. 5.

memerintahkan orang-orang Ahmadi untuk tidak berimam di belakang selain dari kalangan mereka.⁴⁰

Seterusnya pada tahun 1905, Mirza telah menetapkan satu lokasi di Qadian sebagai tanah perkuburan khusus kepada pengikut-pengikut Jemaat Ahmadiyah yang setia berjuang. Tanah perkuburan ini dinamakan sebagai Bahesti Maqbarah yang bermaksud “**Perkuburan Syurgawi**”. Namun begitu setiap pengikut yang berhasrat untuk dikuburkan di sini hendaklah memastikan diri mereka memenuhi syarat-syarat tertentu dalam memelihara kehidupan yang suci termasuk menyumbangkan sekurang-kurangnya 1/10 dari penghasilan semua sumber kepada jemaat. (Huraian berkenaan sumbangan ahli, penulis perincikan di dalam bahagian sumbangan ahli).⁴¹

Setelah kematian Mirza pada tahun 1908, satu perlantikan baru telah diadakan bagi menggantikan tempat beliau. Perlantikan tersebut telah disempurnakan sebelum Mirza dikebumikan iaitu pada 27^{hb} Mei 1908. Sepanjang hayat beliau menerajui Jemaat Ahmadiyah, Mirza diperakui oleh pengikut-pengikutnya dengan gelaran sebagai Imam Mahdi, al-Masih yang ditunggu serta bertaraf nabi kemudiannya diganti

⁴⁰ *Ibid*, him. 10.

⁴¹ Sila rujuk halaman 84-86.

dengan peneraju baru bergelar Khalifatul Masih.⁴² Khalifatul Masih I ialah Maulana Hakim Nuruddin Bhairawi yang mentadbir Jemaat Ahmadiyah dari tahun 1908 hingga 1914. Seterusnya diikuti Khalifatul Masih II iaitu Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (1914 hingga 1965), Khalifatul Masih III Mirza Nasir Ahmad (1965 hingga 1982) dan sekarang Khalifatul Masih IV Mirza Tahir Ahmad.

Penubuhan Jemaat Ahmadiyah oleh Mirza Ghulam Ahmad pada asalnya sebagai satu tapak permulaan menonjolkan dirinya kepada masyarakat dengan idea-idea baru telah berjaya membuktikan bahawa pandangan-pandangannya mulai diterima. Walaupun mendapat tentangan dari banyak pihak, Mirza terus bertahan dan hasilnya Jemaat Ahmadiyah telah tersebar ke merata tempat dengan bilangan pengikut yang semakin meningkat dari hari ke hari.

4. Qadiani Berpecah Dua

Usaha penyebaran ajaran Qadiani terus berjalan lancar walaupun mendapat tentangan dari ulama Islam dan telah berjaya mengumpulkan bilangan pengikut yang banyak. Dipercayai, selepas kematian Mirza pada tahun 1908, bilangan pengikutnya yang setia seramai 200,000 orang.⁴³

⁴² Khalifatul Masih bererti Pemimpin Ruhani Jemaat Ahmadiyah yang dilantik mengikut peraturan-peraturan perlantikan khalifah. Setiap Ahmadi perlu memberi taat setia. Rujuk *Lampiran B*.

⁴³ Tanpa Pengarang, Kami Orang Islam, *op.cit.*, hlm. 26.

Pengerakan ini terus berjalan lancar sehingga tahun 1914. Pada tahun tersebut telah berlaku sedikit kegoncangan selepas perlantikan Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad sebagai Khalifatul Masih II menggantikan Maulana Hakim Nuruddin Bhairawi. Punca utama perpecahan ini adalah akibat penolakan satu golongan terhadap sistem khilafah yang menjadi asas utama pergerakan tersebut. Menurut mereka, khalifah hanya berperanan sebagai imam sembahyang sahaja dan bukannya pemimpin organisasi.⁴⁴

Golongan yang tidak bersetuju diketuai oleh Khawajah Kamaluddin dan Maulvi Muhammad Ali. Ada sesetengah penulis berpendapat, penentangan sebenar golongan ini adalah berpunca dari keinginan mereka melantik Maulvi Muhammad Ali sebagai khalifah seterusnya menyingkirkan Mirza Bashiruddin Mahmud.⁴⁵ Golongan ini kemudiannya melarikan diri ke Lahore dan menujuhkan aliran baru yang dikenali sebagai Jamaatul Lahore. Aliran ini juga bergiat cergas di luar India seperti di Asia dan Eropah.

Perbeaan yang ketara antara Jamaatul Lahore dengan yang asal ialah mereka menganggap Mirza hanya sebagai pembela atau mujahid

⁴⁴ Saleh A.Nahdi, *Khilafat Sarana Pemersatu Ummat*, 1992, cet. 1, Bogor; Yayasan Wisma Damai, hlm. 58.

Kenyataan ini diakui oleh Abdul Basit b. Abdul Wahid, Mubaligh Qadiani di Baitussalam, menerusi wawancara pada 7th April 1997.

⁴⁵ Fawzy Sa'ied Thaha, *Ahmadiyah Dalam Persoalan*, 1981, cet. 1, Jakarta; Pt. al-Ma'arif, hlm. 368.

sahaja, bukan sebagai nabi yang diutus.⁴⁶ Disini penulis petik beberapa kenyataan dalam "*The Light*", NOP. 8, 1977 tentang perbezaan kedua-dua kumpulan ini dari pandangan Qadiani;

*"Perbezaan ini berkisar dalam dua prinsip utama iaitu posisi dan kedudukannya dalam Islam dari Pendiri yang suci [Mirza Ghulam Ahmad - Penulis] serta status dari pemimpin masyarakat Ahmadiyah sesudah beliau. Aliran Qadian ataupun Robwah percaya bahawa kedudukan Al-Masih yang dijanjikan dalam Islam adalah sedemikian rupa sehingga dalam penolakannya maka seseorang tidak dapat tetap sebagai muslim lagi, sedangkan kepercayaan dari aliran Lahore ialah Nabi suci Muhammad s.a.w dalam Islam adalah nabi yang terakhir dan penutup, tiada seorang pun betapa tinggi darjah kerohaniannya, dapat mendakwa suatu hak untuk mewakili kaum muslim agar menghukumnya dengan mengeluarkannya dari barisan Islam. Penolakan terhadap al-Masih yang dijanjikan, betapapun solehnya tidaklah dapat menjadi alasan untuk menolak orang-orang bukan Ahmadi keluar dari keimanan Islam. Hal itu dapat menceraiberaikan solidaritas dunia Islam."*⁴⁷

Walaupun keduanya sering bertelingkah, namun aliran Qadiani dan Jamaatul Lahore tetap meyakini keseluruhan isi kandungan ajaran Mirza Ghulam Ahmad. Perpecahan mereka ialah berpunca dari perebutan jawatan khalifah bukannya pertelingkahan isi kandungan ajaran. Dalam perbahasan yang seterusnya, penulis hanya membincangkan tentang ajaran Qadiani dari aliran Qadiani sahaja tanpa membicarakan tentang aliran Lahore. Ini adalah kerana aliran Qadiani merupakan pegangan asal

⁴⁶ Wawancara dengan Mubaligh Qadiani, Abdul Basit b. Abdul Wahid pada 7th April 1997.

Lihat juga Muhammad al-Bahi, *al-Fikr al-Islami al-Hadith wa Siklatuhu Fi al-Isti'mar al-Gharbi*, t.t., cet. 10, 'Abidin; Maktabat Wahabat, hlm. 41.

⁴⁷ Fawzy Sa'ied Thaha, *loc.cit.*, hlm. 375.

bagi jemaat ini serta dianuti oleh majoriti ahli Jemaat Ahmadiyah di seluruh dunia amnya dan Malaysia khususnya. Selain daripada itu, apabila perbahasan mengenai Qadiani dilakukan pasti akan tergambar aliran Qadiani sebagai asas utama dalam jemaat tersebut tanpa melibatkan Jamaatul Lahore.

B. Perkembangan Qadiani di Malaysia

Pendahuluan

Dalam membincangkan perkembangan Qadiani di Malaysia, penulis akan memberi tumpuan kepada pusat gerakan ajaran tersebut di Kg. Nakhoda, Batu Caves, Selangor serta turut mengemukakan 3 buah negeri sebagai contoh bagi membuktikan perkembangan ajaran tersebut di Malaysia. Antaranya negeri Sabah sebagai negeri yang mempunyai pengikut Qadiani paling ramai, dan dua kajian kes mahkamah terhadap pengikut Qadiani di Kedah dan Wilayah Persekutuan. Selain daripada itu turut dikemukakan faktor-faktor Qadiani diterima di Malaysia.

1. Sejarah Awal Kemasukan Qadiani Di Malaysia

Kemasukan ajaran Qadiani ke Malaysia dipercayai bermula pada awal tahun 1930an. Maulana Husin Iyaz merupakan orang pertama menyebarkan ajaran ini ke Malaysia yang berpengkalan di Singapura.⁴⁸

⁴⁸ Tanpa Pengarang, *Qadiani Bukan Dari Ajaran Islam*, 1997, cet. 3, Kuala Lumpur; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), hlm. 25.

Namun begitu, menurut sumber-sumber dari pengikut Qadiani, ianya telah diperkenalkan di Malaysia semenjak tahun 1906 lagi.

Di sini, penulis nyatakan urutan peristiwa kedatangan ajaran Qadiani ke Malaysia sebagaimana yang tercatat dalam *Risalah History Of Jemaat Ahmadiyah Malaysia*.⁴⁹

1906 - *Orang Ahmadiyah yang pertama datang ke Malaysia ialah Sher Muhamad bin Khiruddin. Beliau berasal dari Ludhiana dan bertugas sebagai anggota polis di Selangor, di bawah pemerintahan kerajaan British. Pengasuh beliau, Mulla Bhaksh, merupakan orang yang paling hampir dengan Al-Masih yang dianjikan. [Mirza Ghulam Ahmad - penulis]. Beliau adalah orang yang kelima dan terakhir mengadakan baiah dengan Mirza Ghulam pada 23^{hb} Mac 1889.*

1934 - *Maulavi Ghulam Hussain Ayaz merupakan mubaligh pertama yang dihantar ke Tanah Melayu. Beliau berpengkalan di Singapura, kira-kira 400 km dari Kuala Lumpur. Pada tahun 1936, baiah kepada Jemaat Ahmadiyah yang pertama di Malaysia telah*

⁴⁹ Abd. Rahim Haji Bahauddin, "History Of Jemaat Ahmadiyah Malaysia"; *Risalah*, 1988, t.c., hlm. 15 – 17.

berlangsung di Klang dengan dihadiri oleh 7 orang pengikut termasuk 2 orang berbangsa Punjab.

- 1940 - *Dua orang pengikut Ahmadiyah berbangsa India, dari Madras telah menetap di Labuan, Sabah. Dua buah keluarga dari penduduk Sabah telah menyertai jemaat tersebut. Salah seorang dari mereka, Salim Shah, telah mewakafkan tanahnya untuk pembinaan masjid.*
- 1946 - *Dr. B.D. Ahmad, salah seorang pengikut Ahmadiyah yang berasal dari Pakistan, bertugas sebagai doktor di dalam pasukan tentera British telah menjadikan rumahnya di Kota Kinabalu sebagai pusat kegiatan jemaat. Kemudiannya tanah tersebut telah diwakafkan kepada Jemaat apabila beliau kembali ke Pakistan.*
- 1947 - *Maulavi Mohd. Zohdi merupakan mubaligh tempatan yang pertama dan telah ditugaskan di Sabah setelah tamat pengajian di Qadian. Kebanyakan dari penduduk di Kinarut, Tenom, Inanam dan Lingkungan telah menyertai Jemaat. Beliau menamatkan tugas mubaligh di Sabah pada tahun 1950 selepas diminta bertugas di Indonesia.*

- 1948 - *Jemaat yang pertama di Semenanjung Malaysia telah ditubuhkan di Jeram, Selangor dari hasil usaha Muallim Zaini Dahlan. Sebuah rumah kayu telah dibina sebagai masjid di atas tanah yang diwakafkan oleh ibu kepada salah seorang pengikut Ahmadiyah.*
- 1954 - *Haji Muhammad Dantalmura Yusof merupakan orang Ahmadiyah yang pertama di Sandakan, Sabah. Atas usaha beliau dengan dibantu oleh mubaligh-mubaligh lain seperti Maulavi Saeed Ansari, Sandakan muncul sebagai kawasan yang paling ramai pengikut Ahmadiyah ketika itu iaitu lebih kurang 500 orang.*
- 1956 - *Haji Yusof Omar yang telah dihantar oleh Jabatan Agama untuk menyiasat tentang "Ajaran sesat yang terdapat dalam Qadiani", telah menyertai Jemaat. Dari hasil usaha beliau, sebuah markas yang berfungsi sebagai rumah dan masjid telah dibina, dan pada hari ini ia menjadi pusat kegiatan kebangsaan bagi Jemaat. Markas tersebut mendapat sumbangan kayu daripada seorang kontraktor bukan Islam berbangsa Cina. Pembinaannya bermula pada tahun 1964.*

1967 - Jemaat di Sabah telah didaftarkan dengan nama "**TAHRIK-I-JADID AHMADIYYA MUSLIM ASSOCIATION SABAH**" pada 24^{hb} Januari. Jemaat telah difatwakan sebagai bukan Islam pada 18^{hb} Jun 1975 dan dengan itu pendaftarannya telah ditarik balik. Walaubagaimanapun, ianya hanya dibatalkan pada 16^{hb} Februari 1984.

Tarikh kedatangan Qadiani di Malaysia dimulai pada tahun 1906 berdasarkan fakta yang penulis perolehi dari sumber-sumber Qadiani. Tarikh tersebut menjadi pilihan penulis memandangkan mereka lebih arif tentang sejarah kedatangan ajaran pegangan mereka. Walaubagaimanapun tarikh tersebut tidak bertentangan dengan tarikh yang dikemukakan oleh Majlis Kebangsaan Bahagian Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kerana tarikh 1930an yang dikemukakan merupakan tarikh kemasukan "mubarigh" pertama Qadiani di Malaysia, manakala tarikh yang diketengahkan oleh pihak Qadiani pula merupakan tarikh kedatangan orang Qadiani yang pertama ke Malaysia.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah ajaran ini telah lama bertapak di Malaysia, namun mengambil masa yang agak lama untuk berkembang serta diterima masyarakat. Walaupun pergerakan mereka kurang mendapat publisiti terutama selepas fatwa ajaran tersebut terkeluar dari

ajaran Islam, namun pergerakan Qadiani terus berkembang seiring dengan pertambahan ahli.

2. Baitussalam sebagai Pusat Gerakan Qadiani

Pusat pergerakan bagi ajaran Qadiani di Malaysia atau lebih dikenali sebagai Jemaat Ahmadiyah Malaysia ialah di Kg. Nakhoda, Batu Caves, Selangor. Bagi mempermudahkan perbincangan tentang gerakan Qadiani di Malaysia, penulis akan menggunakan nama Jemaat Ahmadiyah Malaysia dalam memperincikan kegiatan-kegiatan di Baitussalam.

Penubuhan Baitussalam sebagai pusat gerakan Jemaat Ahmadiyah Malaysia bermula pada tahun 1964 apabila dua orang pengikut setia jemaat ini memperuntukkan sebidang tanah di alamat 11-A, Kg. Nakhoda untuk tujuan tersebut.⁵⁰ Mereka ialah Haji Yusof bin Omar dan Mohammad Zain bin Hassan. Peringkat awal, Baitussalam merupakan bangunan kayu dua tingkat yang lebih berperanan sebagai tempat untuk mengumpulkan ahli-ahli jemaat dan menunaikan ibadat.

Dewasa ini, bangunan Baitussalam telah diubahsuaikan menjadi bangunan batu tiga tingkat yang menempatkan ruang pejabat, perpustakaan, tempat solat dan penginapan untuk mualigh Jemaat Ahmadiyah Malaysia. Jelasnya Baitussalam bukan sekadar berperanan

⁵⁰ *Ibid*, him. 16.

sebagai masjid bahkan yang penting sebagai pusat gerakan utama Jemaat Ahmadiyah Malaysia.

a). **Tujuan dan Matlamat⁵¹**

Tujuan dan matlamat Jemaat Ahmadiyah Malaysia ialah;

- i). Menyampaikan Islam seperti yang dihuraikan oleh Mirza Ghulam Ahmad selaku pengasas dan oleh Khalifatul Masih, juga pada amnya untuk menggalakkan kajian perbandingan agama.
- ii). Kemajuan ilmu dikalangan ahli-ahli jemaat serta orang-orang lain yang ditentukan jawatankuasa jemaat mengikut keadaan masa antara lain melalui penubuhan perpustakaan-perpustakaan bagi mencapai segala matlamat jemaat.
- iii). Penubuhan cabang atau cawangan jemaat di seluruh Malaysia.
- iv). Pengumpulan wang dengan mengajak dan menerima sumbangan dari orang persendirian atau kumpulan melalui yuran, derma dan lain-lain dengan syarat jemaat tidak menjalankan kegiatan perniagaan yang tetap, dalam usaha untuk menambah kewangan bagi kegiatan-kegiatan amal.
- v). Pemberian bantuan kebajikan kepada fakir miskin, anak yatim, janda dan golongan-golongan yang tidak berkemampuan

⁵¹ Tanpa Pengarang, "Perlembagaan Jemaat Ahmadiyah Malaysia", *Risalah*, 1993, hlm. 2-3.

menyara diri disebabkan kecacatan anggota atau kelemahan-kelemahan lain.

Kesimpulannya, Jemaat Ahmadiyah Malaysia bermatlamat menyebarluaskan ajaran Islam berdasarkan keyakinan mereka, selaras dengan pentafsiran Mirza selaku pengasas. Ini menunjukkan bahawa ajaran yang akan diperkenalkan mempunyai ciri-ciri kelainan dari ajaran Islam yang sebenar. Perbincangan secara mendalam tentang ajaran Qadiani akan penulis perincikan dalam bab 3.

b). **Struktur Organisasi Jemaat Ahmadiyah Malaysia**

Organisasi Jemaat Ahmadiyah Malaysia dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Jawatankuasa Pentadbiran atau lebih dikenali sebagai Majlis Amila dan Majlis Ahli atau Majlis Syura.⁵²

Majlis Amila terdiri daripada 20 orang ahli jawatankuasa tetap iaitu:

1. Amir sebagai Presiden Kebangsaan.
2. Naib Amir (Timbalan Presiden Kebangsaan).
3. Setiausaha Am I.
4. Setiausaha Am II.
5. Setiausaha Mal (Kewangan).
6. Setiausaha Amoor-e-Amaa (Hal Ehwal Am).

⁵² *Ibid*, hlm. 5-6.

7. Setiausaha Tabligh (Dakwah).
8. Setiausaha Tarbiyat (Pelajaran atau Latihan Agama).
9. Setiausaha Taalim (Pendidikan).
10. Setiausaha Rishta-Nataan (Perkahwinan).
11. Setiausaha Wasiyat dan Presiden Majlis Moosi (Wasiyat dan Perjanjian).
12. Setiausaha Jaidad (Harta).
13. Setiausaha Tahrik-i-Jadid & Waqfe Jadid (Perjanjian Baru dan Waqaf).
14. Setiausaha Zaifat (Keraian).
15. Setiausaha Ishaat (Penerbitan).
16. Setiausaha Semi-Basri (Audio-Visual).
17. Setiausaha Pengangkutan.
18. Setiausaha Nasim-e-Alaa (Ketua Ansa Rullah).
19. Quaid Khuddam-ul-Ahmadiyah (Ketua Pemuda).
20. Setiausaha Kewangan (Penolong).

Manakala Ahli Majlis Syura akan diwakili seperti berikut:

1. Semua ahli Majlis Amila.
2. Semua Presiden cabang dan cawangan.
3. Semua Mubaligh Jemaat Ahmadiyah seluruh Malaysia.
4. 2 orang ahli dari tiap-tiap cawangan yang dilantik khas oleh ahli-ahli cawangan berkenaan untuk mewakili mereka.

5. Seorang dari setiap kawasan yang belum lagi tertubuh cawangannya sekiranya difikirkan perlu oleh Amir Nasional.
6. Mana-mana ahli lain yang difikirkan perlu oleh Amir Nasional.

Amir pertama bagi Jemaat Ahmadiyah Malaysia dilantik pada tahun 1949 iaitu Syed Abd. Rahman. Beliau kemudiannya diganti oleh Ismail bin Karsah, diikuti dengan Zainal Abidin bin Baharudin dan sekarang ini disandang oleh Ungku Adnan bin Ungku Ismail. Bagi struktur organisasi Jemaat Ahmadiyah Malaysia sessi 97/98 terdiri daripada amir Jemaat disandang oleh Ungku Adnan bin Ungku Ismail, setiausaha ialah Mulyadi bin Ahmad Nawir manakala Abu Bakar bin Mohd Zain selaku bendahari.

Disamping Majlis Amilia yang bertanggungjawab dalam pentadbiran Jemaat Ahmadiyah Malaysia, terdapat 3 buah organisasi cabang yang berperanan penting di bawah penyeliaan dan pengawasan Khalifatul Masih IV. Organisasi-organisasi ini berperanan mentarbiyah ahli-ahli Jemaat melalui program-program tertentu mengikut peringkat umur dan jantina. Organisasi tersebut ialah Majlis Ansarullah, Majlis Khuddamul Ahmadiyah dan Lajnah Imaillah.

i). **Majlis Ansarullah⁵³**

Majlis Ansarullah atau lebih dikenali sebagai Majlis Ansarullah Silsila ‘Aliya Ahmadiyya merupakan organisasi yang tetap bermula pada 3^{hb} November 1989. Ianya berfungsi di bawah penyeliaan Khalifatul Masih dan markas pusat.

Anggota Majlis Ansarullah Silsila ‘Aliya Ahmadiyya terdiri daripada golongan lelaki yang berusia 40 tahun ke atas. Khadim (gelaran bagi lelaki yang belum berusia 40) yang mencecah usia 40 tahun boleh menyertai majlis ini pada 1 Januari pada tahun berikutnya. Ahli Majlis Ansarullah dibahagikan kepada 2 kumpulan mengikut kategori umur iaitu:

1. Saf Awwal – terdiri dari ahli yang berusia melebihi 55 tahun.
2. Saf Dom – terdiri dari ahli yang berusia antara 40 dan 55 tahun.

Objektif penubuhan Majlis Ansarullah ialah mengawalselia golongan lelaki Ahmadiyah yang berusia 40 tahun ke atas dalam satu organisasi yang teratur. Selain daripada itu, majlis ini juga berperanan memupuk rasa kecintaan kepada Allah dikalangan ahli juga kesediaan untuk berdakwah dan berkorban demi kesucian Islam.

⁵³ Tanpa Pengarang, *Constitution Of Majlis Ansarullah Silsila ‘Aliya Ahmadiyah*, t.t., t.c., t.k.; Majlis Ansarullah, hlm. 1-4.

Majlis Ansarullah mempunyai struktur organisasi yang tersendiri iaitu:

1. Sadr (Ketua)
2. Naib Sadr Awwal
3. Naib Sadr Saf Dom
4. Naib Sadran
5. Qaid Umumi
6. Qaid Ta'lim
7. Qaid Tarbiyat
8. Muhtamim Mal
9. Qaid Ithar
10. Qaid Tabligh
11. Qaid Dhahanat wa Sihat Jismani
12. Qaid Mal
13. Qaid Waqf Jadid
14. Qaid Tahrik Jadid
15. Qaid Tajnid
16. Qaid Isha'at
17. Auditor
18. Za'im A'la
19. Araki Khususi (Dilantik khusus oleh Sadr)

Antara program-program yang dijalankan untuk ahli-ahli Majlis Ansarullah ialah perhimpunan tahunan yang memuatkan aturcara-aturcara keagamaan seperti ceramah-ceramah, diskusi, solat tahajud juga acara-acara riadhah yang bersesuaian dengan usia peserta. Perhimpunan tahunan ini turut dibuat secara penggabungan dengan negara jiran contohnya di Singapura sebagai satu usaha untuk menjalinkan hubungan sesama ahli Jemaat Ahmadiyah.

ii). **Majlis Khuddamul Ahmadiyah⁵⁴**

Majlis Khuddamul Ahmadiyah merupakan satu organisasi khusus untuk golongan pemuda Ahmadiyah yang berusia di bawah 40 tahun. Tujuan utama penubuhan majlis ini ialah untuk melatih dan mendidik ahli-ahlinya dengan cara Islam sejati, menanam di dalam jiwa semangat kecintaan kepada Allah, Nabi Muhammad serta kesediaan berkhidmat untuk Islam, negara dan manusia sejagat.

Bagi memastikan program-program yang diatur berjalan lancar sesuai dengan peringkat umur, ahli-ahli Majlis Khuddamul Ahmadiyah dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu;

⁵⁴ *Perlembagaan Majlis Khuddamul Ahmadiyah Silsila 'Aliya Ahmadiyah*, 1994, cet. 2, t.k.; Majlis Khuddamul Ahmadiyah Malaysia, hlm. 1-5.

- 1). Ahli-ahli yang dipanggil khuddam terdiri daripada Mubai Ahmadi yang berumur dari 15 tahun hingga 40 tahun bermula 1^{hb} November.
- 2). Atfalul Ahmadiyah terdiri daripada anak-anak Ahmadi yang berusia dari 7 tahun hingga 15 tahun .
- 3). Murabiyyin-e-Atfal yang dilantik dari ahli Majlis Ansarullah berperanan mengawasi dan melatih Atfalul Ahmadiyah.

Struktur organisasi bagi Majlis Khuddamul Ahmadiyah terdiri daripada:

1. Sadr
2. Naib Sadr
3. Mu'tamad
4. Muhtamim Khidmat-e-Khalq
5. Muhtamim Tarbiyat
6. Muhtamim Ta'lim
7. Muhtamim Umumi
8. Muhtamim Mal
9. Muhtamim Sihat-e-Jismani
10. Muhtamim Waqar-e-Amal
11. Muhtamim San'at-O-Tijarat
12. Muhtamim Tahrik-e-Jadid
13. Muhtamim Atfal

14. Muhtamim Tabligh
15. Muhtamim Tajnid
16. Muhtamim Isha'at
17. Qaid

Sadr atau ketua bagi Majlis Khuddamul Ahmadiyah Malaysia sekarang disandang oleh Zainal Abidin bin Hassan. Selain berperanan memastikan kelancaran organisasi Majlis Khuddamul Ahmadiyah, seorang Sadr juga bertanggungjawab merencana program-program yang boleh membina ahli-ahli majlis tersebut.

iii). Lajnah Imaillah⁵⁵

Lajnah Imaillah ialah sebuah badan penolong kepada Jemaat Islam Ahmadiyah. Tujuan penubuhan Lajnah Imaillah ialah sebagai satu platform kepada kaum wanita Ahmadi untuk turut sama memberi sumbangan kepada Jemaat Ahmadiyah.

Organisasi ini bercorak keagamaan tanpa mempunyai kaitan dengan politik. Setiap ahli yang terdiri daripada wanita Ahmadi yang berusia melebihi 15 tahun bertanggungjawab mematuhi apa yang

⁵⁵ Tanpa Pengarang, *Kaedah-kaedah Dan Peraturan-peraturan Asas Lajnah Imaillah Silsila 'Aliya Ahmadiyah Malaysia*, 1993, t.c., Selangor; Lajnah Imaillah Malaysia, hlm. 1-6, 19.

terkandung dalam al-Quran serta patuh kepada undang-undang di dalam negara di mana pertubuhan mereka bergerak.

Manakala gadis-gadis Ahmadi yang berusia di bawah 15 tahun akan menjadi ahli Nasiratul Ahmadiyah. Kebajikan golongan Nasirat ini terletak di bawah tanggungjawab Setiausaha Nasirat yang berperanan menjalankan program-program untuk peningkatan ilmu mereka. Nasiratul Ahmadiyah terbahagi kepada 3 peringkat iaitu:

1. Peringkat Pertama : Berusia 14 tahun hingga 15 tahun
2. Peringkat Kedua : Berusia 11, 12 dan 13 tahun
3. Peringkat Ketiga : Berusia 8, 9 dan 10 tahun

Struktur organisasi bagi Lajnah Imaillah Kebangsaan adalah:

1. Sadr
2. Naib Sadr
3. Setiausaha Am
4. Penolong Setiausaha Am
5. Setiausaha Ta'lim (Pelajaran)
6. Setiausaha Tarbiyat
7. Setiausaha Khidmat-e-Khalq
8. Setiausaha Mal (Kewangan)
9. Setiausaha Nasirat
10. Setiausaha Numaish (Penerbitan)

c). **Aktiviti-aktiviti Baitussalam**

Antara aktiviti tetap untuk ahli Jemaat Ahmadiyah Malaysia adalah:

1. **Jalsah Salanah**

Jalsah Salanah merupakan perjumpaan tahunan untuk ahli-ahli Jemaat. Ianya diadakan setiap tahun di Baitussalam dan di Sabah. Antara program-program yang dijalankan ialah ceramah-ceramah keagamaan ucapan dari pemimpin dan perwakilan, forum, solat tahajud dan sebagainya.⁵⁶

2. **Perhimpunan untuk pemuda pemudi Jemaat**

Perhimpunan ini dijalankan pada setiap tahun secara berasingan antara lelaki dan perempuan mengikut peringkat masing-masing seperti Majlis Khuddamul Ahmadiyah, Majlis Ansarullah dan Lajnah Imaillah. Aktiviti ini merangkumi ceramah dan penerangan khusus berkenaan perkembangan Jemaat untuk pemuda dan pemudi Jemaat.

3. **Program Wakfino atau Anak Angkat**

Baitussalam merupakan salah satu pusat pergerakan Jemaat Ahmadiyah yang menjalankan program wakfino. Program wakfino atau anak angkat merupakan satu program untuk melahirkan pelapis-pelapis Jemaat Ahmadiyah akan datang yang bukan sekadar memahami ajaran-

⁵⁶ Contoh tentatif program Jalsah Salanah, lihat *Lampiran C*.

ajaran Islam sebagaimana yang diperkenalkan Mirza bahkan mempunyai kepentingan dalam bidang-bidang tertentu sebagai kerjaya mereka. Ahli-ahli Jemaat Ahmadiyah yang ingin turut serta dalam program ini akan mewakafkan anak mereka semenjak lahir (malah ada yang telah mewakafkan anak-anak mereka ketika dalam kandungan) untuk jemaat. Anak-anak ini akan menjalani program-program khusus merangkumi aspek-aspek kerohanian dan pembentukan akhlak serta akademik. Perkembangan anak-anak ini dikawalselia oleh ibubapa mereka berpandukan garispanduan yang telah ditetapkan oleh jemaat.

Selain daripada itu, terdapat juga aktiviti-aktiviti harian dan mingguan yang dijalankan oleh Baitussalam seperti:

1. Kuliah-kuliah agama

Baitussalam menganjurkan kuliah-kuliah pada setiap hari selepas solat maghrib. Kuliah-kuliah ini juga terbuka untuk bukan ahli jemaat yang tinggal di Kampung Nakhoda.

2. Solat Jumaat untuk ahli-ahli Jemaat

Aktiviti ini dijalankan secara berasingan dengan penduduk Islam Kampung Nakhoda. Ahli-ahli Jemaat Ahmadiyah lelaki dan perempuan di sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang akan datang ke Baitussalam untuk menunaikan solat fardu Jumaat.

3. Program Tarbiyah untuk kanak-kanak.

Program Tarbiyah ini diadakan setiap hujung minggu khusus untuk anak-anak ahli Jemaat. Mereka diajar asas-asas pendidikan Islam di samping ajaran yang menjadi pegangan Jemaat. Bagi ibubapa yang tinggal berjauhan dari Baitussalam dan tidak dapat menghantar anak-anak mereka untuk mengikuti program tersebut, tanggungjawab mendidik diletakkan kepada ibubapa berkenaan.

Berdasarkan penjelasan di atas, menunjukkan bahawa Jemaat Ahmadiyah Malaysia telah menyusun aktiviti-aktiviti yang tersusun serta menyeluruh merangkumi semua peringkat dan ahlinya untuk jangkamasa panjang dan pendek. Program-program yang dijalankan ini juga berperanan mengeratkan hubungan sesama ahli jemaat.

d). Keahlian Jemaat Ahmadiyah Malaysia

Keahlian di dalam Jemaat Ahmadiyah Malaysia perlu dimulai dengan menandatangani borang baiah atau borang keahlian.⁵⁷ Setiap orang dewasa Ahmadi yang bermastautin di Malaysia dan telah diterima borang baiahnya oleh 'Khalifah Masih', atau wakil khas yang dilantik bagi pihak khalifah dianggap telah diterima keahliannya dalam jemaat.

⁵⁷ Syarat-syarat yang perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum menandatangani borang keahlian diperjelaskan dalam bab III. Sila rujuk hlm. 121-123.
Contoh Borang Baiah, lihat *Lampiran D*.

Seseorang ahli boleh membatalkan keahliannya dalam jemaat dengan membuat kenyataan rasmi dan pembatalan keahlian akan berkuatkuasa ketika itu juga. Keahlian dalam jemaat akan tamat dengan serta merta juga apabila borang baiahnya dibatalkan atau ditolak oleh Khalifatul Masih atau wakil khasnya.

Selain daripada itu, setiap ahli jemaat bertanggungjawab untuk menyumbangkan hasil pendapatan mereka untuk kegunaan jemaat. Sumbangan-sumbangan ini merupakan salah satu sumber bagi mengerakkan kegiatan ekonomi juga program-program jemaat. Kegagalan menjelaskan bayaran-bayaran seperti yang telah diperuntukan dalam undang-undang dan peraturan jemaat akan menyebabkan ahli kehilangan hak mengundi di dalam mana-mana mesyuarat jemaat.

Sebagai ahli kepada Jemaat Ahmadiyah Malaysia, kebaikan mereka turut diambil berat oleh pihak pentadbiran jemaat. Pihak-pihak bertanggungjawab akan turut membantu dalam urusan perkahwinan ahli serta sistem sosial mereka bagi memastikan kesinambungan jemaat generasi ke satu generasi. Begitu juga urusan kematian dan kebaikan ahli keluarga yang ditinggalkan turut dititikberatkan. Jemaat Ahmadiyah Malaysia telah memperuntukkan tanah khusus bagi perkuburan ahli Jemaat Ahmadiyah Malaysia, bergantung kepada negeri-negeri berkenaan.

i). **Sumbangan Ahli**

Antara bentuk-bentuk sumbangan yang perlu dikeluarkan oleh ahli Jemaat Ahmadiyah ialah:

1. **Chanda Aam**

Chanda Aam merupakan sumbangan tetap yang perlu dikeluarkan oleh setiap ahli Jemaat Ahmadiyah. Kadar minima yang dikenakan ialah sebanyak 1/16 dari hasil pendapatan.

2. **Chanda Wasiyyat**

Terbahagi kepada dua iaitu Hissa Aamat (hasil pendapatan) dan Hissa Jaidad (harta) seperti tanah, rumah sewa dan sebagainya. Chanda Wasiyyat merupakan wasiyat awal ahli untuk diperuntukkan hasil pendapatan dan harta kepada jemaat.⁵⁸ Kadar sumbangan bergantung kepada tahap kerohanian masing-masing samada 1/10, 1/15 atau 1/3 daripada pendapatan setiap bulan. Mereka yang telah berwasiyat bergelar '*Musi*' bagi lelaki dan '*Musiah*' bagi perempuan. Apabila Musi atau Musiah meninggal dunia, harta peninggalannya akan dimiliki oleh Jemaat Ahmadiyah.

3. **Chanda Jalsah Salanah**

Sumbangan dikeluarkan bagi memastikan peruntukan untuk program Jalsah Salanah mencukupi disetiap negeri.

⁵⁸ Contoh borang wasiat, silat lihat *Lampiran E*.

4. Fitranah Fidiyah

Fitranah Fidiyah bermaksud zakat fitrah yang diwajibkan ke atas orang Islam. Zakat perlu dibayar oleh setiap ahli mengikut nasab yang telah ditetapkan dalam ajaran Islam, tetapi ianya dibayar di Baitussalam dan seterusnya diagihkan kepada ahli jemaat yang layak untuk menerimanya.

5. Waq F-e-Jadid

Waq F-e-Jadid merupakan bahagian atau biro dalam jemaat yang dikhaskan kepada anggota jemaat yang sudah bersara tetapi masih ingin memberi sumbangan tenaga dan idea kepada jemaat. Sumbangan dari ahli akan disalurkan kepada bahagian ini dan setiap ahli memperuntukan sekurang-kurangnya 5 ringgit setahun (anggaran di Malaysia).

6. Eid Fund

Sumbangan dari ahli dan diperuntukkan untuk sebarang perayaan.

7. Sadqat

Sedekah dari ahli jemaat mengikut kadar kemampuan.

8. Donation (Derma-derma)

Derma-derma sumbangan ahli mengikut kadar kemampuan serta keikhlasan mereka.

9. Litereture

Sumbangan melalui pembelian buku-buku oleh ahli kemudian digunakan kembali untuk terbitan buku-buku lain.

10. Syadna Bilal Fund, Buyutul Hamd dan Darwesh Fund

Ketiga-tiga bentuk sumbangan ini masih lagi belum dikuatkuasa bagi ahli-ahli Jemaat Ahmadiyah di Malaysia memandangkan beberapa masalah.

Setiap ahli akan memastikan mengeluarkan sumbangan-sumbangan yang telah ditetapkan oleh jemaat pada kadar tertentu. Setiap sumbangan di atas akan dicatatkan oleh pihak yang bertanggungjawab dan ahli akan mendapat resit bagi pengeluaran yang dibuat.

ii). Amalan Perkahwinan⁵⁹

Amalan perkahwinan dikalangan ahli diuruskan oleh pihak jemaat dibawah pengendalian biro yang dikenali sebagai '*Rishta Nata*'.⁶⁰ Biro Rishta Nata berperanan menangani masalah pernikahan dalam lingkungan jemaat, selain membantu ibubapa mencari jodoh yang sesuai untuk anak-anak mereka.

⁵⁹ Tanpa Pengarang, *Pedoman Rishta Nata*, 1992, t.c., Indonesia; Jemaat Ahmadiyah, hlm. 1-11.

⁶⁰ Penubuhan biro ini seiring dengan saranan Mirza pada tahun 1898 yang berupa larangan kepada pengikut Jemaat Ahmadiyah mengahwinkan anak-anak perempuan mereka dengan orang-orang bukan Ahmadi. Namun begitu kelonggaran perempuan kepada pemuda-pemuda Ahmadi untuk mengahwini perempuan-perempuan dari kalangan bukan pengikut Jemaat Ahmadiyah.

Lihat Mukhlis Ilyas, *op.cit.*, hlm. 10.

Antara langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak ibubapa ialah mengisi borang biodata calon (anak-anak mereka lelaki atau perempuan yang sudah layak berkahwin) yang telah disediakan oleh biro. Borang-borang yang telah diisi dengan lengkap perlu mengandungi butir-butir peribadi beserta gambar, laporan dari amir masing-masing mengenai soal keagamaan, akhlak beserta candah, akan disimpan oleh biro. Salinan-salinan data ini turut dihantar kepada Wakilut Tabshir Rabwah (Bahagian Penyiaran Pusat) bagi membolehkan markas pusat turut berperanan membantu keluarga Ahmadi dari berbagai negeri menyelesaikan persoalan perkahwinan yang mereka hadapi.

Apabila calon yang bersesuai ditemui, biro yang berperanan sebagai 'match-maker' akan mencadangkan kepada pihak ibubapa. Sebarang keputusan adalah terpulang kepada pihak berkaitan namun mereka disarankan untuk menunaikan solat istikhharah. Setelah mendapat persetujuan dari kedua-dua pihak, majlis perkahwinan akan diadakan dan sekali lagi biro Rishta Nata berperanan memastikan majlis tersebut berjalan mengikut syariat Islam. Disamping itu juga, Jemaat Ahmadiyah melalui saranan Khalifatul Masih II turut menetapkan kadar mas kahwin untuk ahli-ahli yang berkahwin iaitu sejumlah enam bulan sehingga satu tahun penghasilan seseorang.

iii). Perkuburan Jemaat Ahmadiyah

Salah satu keistimewaan yang diperuntukan oleh pihak jemaat kepada ahli-ahlinya ialah perkuburan khusus selepas mereka meninggal dunia. Ahli Jemaat Ahmadiyah Malaysia akan dikuburkan secara berasingan dari umat Islam yang lain. Dua lokasi yang menempatkan perkuburan mereka ialah di Jeram dan Cheras bagi ahli-ahli disekitar Lembah Klang. Manakala bagi negeri-negeri lain, bergantung kepada pentadbiran negeri tersebut.

Ahli-ahli jemaat yang telah berwasiyat harta dan penghasilan mereka melalui Chanda Wasiyyat serta mendapat gelaran Musi atau Musiah berkelayakan untuk memohon penempatan mereka di Bahesti Maqbarah, Qadian, India. Bahesti Maqbarah yang dianggap sebagai '*Perkuburan Syurgawi*' oleh pengikut-pengikut jemaat merupakan salah satu saranan yang dibuat oleh pengasas jemaat sendiri. Pengikut-pengikut Jemaat Ahmadiyah Malaysia yang layak akan diberi satu borang yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan di Rabwah (*Wassiyat Certificate*)⁶¹ dan mereka akan menguruskan pemasangan batu nisan di Bahesti Maqbarah selepas ahli-ahli tersebut meninggal dunia. Jenazah mereka akan ditanam di Perkuburan Jemaat Ahmadiyah Malaysia, sama ada di Cheras atau Jeram.

⁶¹ Rujuk *Lampiran F*.

Kesimpulan yang dapat dirumuskan dari perbincangan berkenaan perkembangan Baitussalam sebagai pusat gerakan Qadiani ialah menampakkan kepada umum bahawa gerakan Qadiani bukan sekadar gerakan yang mementingkan soal-soal keagamaan semata-mata bahkan turut mempunyai sistem pentadbiran yang kemas dan teratur. Kekemasan pentadbiran serta kebijakan ahli yang terurus turut memberi sumbangan kepada perkembangan Jemaat Ahmadiyah Malaysia.

3. Konsep Dan Pendekatan Qadiani

Dalam usaha menyebarluaskan pegangan mereka, pihak Qadiani sentiasa menyakini bahawa mereka merupakan satu-satunya golongan yang memiliki kebenaran dan bakal memenuhi keperluan manusia yang pelbagai. Misi utama mereka ialah mempermudahkan manusia dengan pengetahuan kerohanian seluas mungkin melalui penerokaan terhadap al-Quran.⁶²

Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha telah dilakukan dalam mendekati masyarakat dan memperjelaskan tentang ajaran Qadiani. Peranan menyampaikan mesej Qadiani secara khususnya merupakan tanggungjawab mualigh-mualigh serta pemimpin kumpulan tersebut, namun turut disertai oleh ahli-ahli dari pelbagai lapisan. Antara metod-

⁶² Chi, Tony Poon-Chiang, *A Case Study Of The Missionary Stance Of The Ahmadiyya Movement in North America*, 1973, t.c., Michigan; University Microfilms, him. 84.

metod yang digunakan oleh Qadiani dalam menyampaikan mesej mereka ialah,⁶³

a). Memberi Syarahan

Secara formal, tugas menyampaikan syarahan dijalankan oleh para mubaligh yang terlatih ataupun amir jemaat sama ada di masjid atau ketika sebarang mesyuarat dijalankan. Isi syarahan yang disampaikan mengambilkira beberapa faktor antara lain kesesuaian dan tahap penerimaan pendengar-pendengar. Walaubagaimanapun, kandungan syarahan tersebut tidak lari dari memperkatakan tentang 10 perkara pokok dalam ajaran Qadiani. Perkara-perkara tersebut ialah;

1. Tiada tuhan melainkan Allah dan tiada sekutu baginya.
2. Malaikat itu wujud.
3. Allah mengutuskan rasul disetiap masa dan tempat untuk memberi panduan.
4. Al-Quran adalah kitabullah dan Muhammad adalah utusanNya.
5. Pintu ilham sentiasa dan akan terus terbuka kepada hamba-hambaNya.
6. Allah Maha Mendengar dan Maha Memperkenankan permintaan hamba-hambaNya.

⁶³ *Ibid*, him. 87-94. Setelah membuat penelitian, penulis mendapati terdapat persamaan metod yang digunakan oleh Qadiani dalam menyampaikan mesej mereka sama ada di Malaysia mahupun di Selatan Amerika.

7. Ketika hari kebangkitan (kiamat), Nabi Muhammad akan datang sebagai pemberi syafaat.
8. Nabi Isa yang dijanjikan kedatangannya di akhir zaman ialah Mirza Ghulam Ahmad.
9. Pemimpin akhir zaman akan dianugerahkan dengan anugerah kenabian melalui berkat kerohanian Nabi Muhammad.
10. Mirza Ghulam Ahmad sebagai al-Masih telah dianugerahkan dengan taraf kenabian.

b). **Bahan Cetak**

Salah satu metod mubaligh Qadiani untuk menyebarkan misi mereka ialah melalui bahan cetak. Mereka berpendapat adalah lebih berkesan menyampaikan mesej jemaat melalui pembacaan isi kandungan al-Quran atau melalui buku-buku dan risalah daripada bercakap secara langsung. Tanpa perantaraan penulis, mesej akan terus menguasai fikiran dan hati.

Antara bentuk bahan-bahan cetak yang digunakan ialah buku, risalah, lampiran dan lain-lain. Bahan-bahan cetak ini diedarkan dalam berbagai bahasa merangkumi bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Cina dan beberapa bahasa lain. Edarannya juga tidak terhad di kalangan ahli bahkan turut diedarkan di tempat-tempat umum seperti di masjid-masjid, perhentian bas dan lain-lain.

c). **Perbahasan dan Perdebatan**

Metod ini digunakan oleh mubaligh-mubaligh atau mereka yang telah membuat kajian yang mendalam mengenai prinsip-prinsip ajaran Qadiani. Perbahasan tersebut bertujuan menarik perhatian pihak-pihak berkenaan kepada pergerakan Qadiani. Selain daripada itu, perbahasan dan perdebatan yang dijalankan bertujuan mencabar golongan yang menentang Qadiani. Antara perbahasan yang pernah dijalankan ialah dengan wakil-wakil dari Pejabat Agama Islam Negeri Selangor pada 23^{hb} Julai 1951 dihadapan baginda Sultan di Istana Selangor.⁶⁴

Qadiani juga turut berminat dengan konsep mubahalah⁶⁵ dan meyakini melalui mubahalah kebenaran akan berpihak kepada mereka. Setakat ini belum ada sebarang mubahalah yang dijalankan di Malaysia, akan tetapi berlaku di negara-negara lain. Antaranya sebagai contoh di Indonesia, mubahalah antara bekas mubaligh Qadiani bernama Ahmad Hariadi bin M. Mahfuz dengan khalifatul Masih IV.⁶⁶

⁶⁴ Tanpa Pengarang, Qadiani Bukan Dari Ajaran Islam, *op.cit.*, hlm. 26.

⁶⁵ Maksud dan konsep mubahalah telah penulis perjelaskan dalam riwayat Mirza. Sila rujuk hlm. 54.

⁶⁶ Ahmad Hariadi bin M.Mahfuz, bekas mubaligh Qadiani Indonesia. Beliau dilahirkan pada 2^{hb} Januari 1952 di Kg. Kemendung, Jawa Timur, Indonesia.

Lihat Ahmad Hariadi M.Mahfuz, *Kenapa Saya Keluar Dari Ahmadiyah*, 1987, cet. 1, Singapura; Persatuan Islam Dan Pencak Silat, hlm. 3.

Mubahalah antara keduanya setakat ini belum membawa hasil. Kedua-duanya iaitu Khalifatul Masih IV dan Ahmad Hariadi masih lagi hidup.

d). Media Massa

Qadiani turut mengambil kesempatan daripada media massa sama ada media elektronik mahupun media cetak. Publisiti-publisiti tentang Qadiani walaupun berunsur negatif turut memberi saham kepada mereka untuk lebih dikenali umum. Mereka mengemukakan bantahan terhadap pandangan negatif mengenai ajaran Qadiani kepada media massa untuk disiarkan. Pada awal 50an, pihak media massa masih membuka ruang menyiarkan pandangan Qadiani bagi menjawap sebarang tuduhan tanpa sikap berat sebelah. Akan tetapi situasi ini telah berubah pada tahun 60an bila pihak media massa mula memandang sepi setiap maklumat yang diberikan oleh Qadiani. Namun begitu disebalik dasar tersebut, jika diimbaskan kembali, salah seorang mualigh Qadiani pernah diberi peluang muncul dalam satu program agama di televisyen pada tahun 1960an tanpa dikenali siapa beliau.⁶⁷ Peluang tersebut diperolehi melalui seorang simpati Qadiani yang bertugas sebagai urusetia program berkenaan. Secara tidak langsung, pihak Qadiani telah berpeluang mengemukakan pandangan mereka tentang Islam pada umum.

Berdasarkan metod-metod di atas, mualigh-mualigh serta pemimpin Qadiani bergerak menyebarluaskan fahaman mereka kepada umum. Kesungguhan gerakkerja mereka terserlah dari usaha yang dijalankan tanpa muahu mengalah walaupun menerima berbagai tekanan .

⁶⁷ Abd. Rahim Hj. Bahauddin, *op.cit.*, hlm. 22.

antaranya fatwa dari Majlis Fatwa Kebangsaan. Keterbatasan pendekatan kepada bukan Qadiani bukan alasan untuk berdiam diri małahan mereka semakin giat memantapkan kefahaman kepada ahli-ahli serta diperturunkan kepada generasi-generasi kecil terdiri dari anak-anak serta saudara mara.

4. Kajian Kes

Perbincangan ini bertujuan untuk melihat perkembangan ajaran Qadiani di negeri-negeri di Malaysia. Penulis mengemukakan dua negeri sebagai contoh iaitu Kedah dan Wilayah Persekutuan. Perbahasan akan memfokuskan kepada kes saman yang pernah dikenakan terhadap pengikut-pengikut Qadiani di negeri-negeri berkenaan atas kesalahan menyebarkan ajaran Qadiani.

a). Kajian kes Pengikut Ajaran Qadiani di Kedah

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui perkembangan ajaran Qadiani di Kedah, khususnya mengenai kes Cikgu Abdul Rahim bin Haji Bahauddin yang pernah didakwa di Mahkamah Syariah Jitra pada Januari 1981 dan Mahkamah Kadi Daerah Kota Star pada bulan Mac 1983 yang lalu atas kesalahan menyebarkan ajaran Qadiani.

i). Latar Belakang Cikgu Abdul Rahim Haji Bahauddin

Nama : Abdul Rahim bin Haji Bahauddin

Alamat : 230, Km 3, Lebuhraya Sultan Abdul Halim
 05400, Alor Star, Kedah Darul Aman

Tarikh Lahir : 1934

Pekerjaan : Bersara

Sebelum ini berkhidmat sebagai guru besar Sekolah Kebangsaan Tunku Bendahara, Kodiang, Kedah. Kemudian ditukarkan ke Kementerian Pelajaran pada bulan Oktober 1983 di Bahagian Buku-buku Teks, Bangunan Lembaga Peperiksaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

ii). Mula Terlibat Dengan Qadiani

Mula menerima ajaran Qadiani daripada abangnya Abdul Rahman bin Bahauddin yang ketika itu tinggal di Pulau Pinang. Ketika ditemubual oleh penulis, beliau mendakwa kurang menitikberatkan soal agama kecuali selepas menyertai Jemaat Ahmadiyah.⁶⁸ Ajaran Qadiani yang diterima cuba disebarluaskan dikalangan ahli keluarga terdekat juga kenalan secara tidak langsung walaupun pada ketika itu beliau belum baik sebagai ahli Jemaat Ahmadiyah. Pada tahun 1972, seiring dengan fatwa yang pengharaman Qadiani dikeluarkan oleh negeri Kedah, beliau telah dipanggil oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam Kedah untuk berbincang

⁶⁸ Wawancara dengan Abdul Rahim Hj. Bahauddin pada 8^{hb} Ogos 1997.

mengenai pegangan beliau serta dimaklumkan tentang penyelewengan Qadiani.

Beliau tidak berpuashati dengan penerangan dari pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah. Seterusnya pada tahun tersebut juga, beliau telah menjalankan baiah untuk menyertai Jemaat Ahmadiyah melalui salah seorang mualim jemaat tersebut, Zaini bin Dahlan (orang yang bertanggungjawab memperkenalkan ajaran Qadiani di Jeram). Semenjak berpegang kepada ajaran Qadiani beliau menerima tentangan hebat dari pihak keluarganya terutama dari ibu dan bapa mertuanya serta anak dan isteri beliau.

iii). Kegiatan

Pernah mengeluarkan beberapa risalah mengenai ajaran Qadiani, diantaranya:

1). ***"BENARKAH ADA IMAM MAHDI ITU DAN SIAPAKAH YANG***

SEBENARNYA" dikeluarkan pada penghujung tahun 1979;

Risalah ini dikirimkan juga kepada YAB Perdana Menteri Dato'

Huseein Onn, beberapa orang menteri, pemimpin-pemimpin

pertubuhan agama dan akhbar-akhbar tempatan.

2). ***"SERUAN KEPADA ALIM ULAMA SERTA CERDIK PANDAI***

ISLAM" dikeluarkan pada penghujung tahun 1980; dikirimkan

kepada YAB Perdana Menteri Dato' Huseein Onn, salinan kepada Timbalan Perdana Menteri serta beberapa orang menteri juga wakil rakyat.

- 3). *"APAKAH BUKTI-BUKTI DAKWAAN MIRZA GHULAM AHMAD SEBAGAI MAHDI DAN ISA AL-MASIH"* dikeluarkan pada akhir 1980; diedarkan kepada beberapa orang yang terpengaruh dengan dakwaan beliau.

Ekoran dari kegiatan beliau, pada 6^{hb} Ogos 1980, beliau telah dipanggil untuk disoalsiasat oleh pihak polis.⁶⁹ Melalui pertemuan tersebut, beliau mempertegaskan pendirian untuk berpegang pada ajaran Qadiani serta tetap meneruskan kegiatannya menyebarluaskan risalah-risalah.

Pada awal Januari 1981, beliau telah dihadapkan ke Mahkamah Syariah Jitra dan kemudiannya kes tersebut di bawa ke Mahkamah Kadi Kota Star pada awal Mac 1983.⁷⁰

⁶⁹ Wawancara dengan Inspektor Ibrahim bin Idris (pegawai dari Cawangan Khas Ibu Pejabat Kontingen (IPK), Alor Star, Kedah) pada 2^{hb} September 1997.

⁷⁰ Lihat *Lampiran G*.

- iv). **Tuduhan-tuduhan yang dikenakan ke atas Abdul Rahim Haji Bahauddin oleh Mahkamah Kadi Kota Star.⁷¹**
1. Beliau didakwa membahagi-bahagikan surat mengandungi perkataan Saidina Mirza Ghulam Ahmad yang diutus oleh Allah sebagai Imam Mahdi dan Al-Masih dan dianugerahkan tingkat setaraf dengan nabi, kepada pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam pada 3^{hb} Januari 1983 di Sekolah Rendah Tengku Bendahara.
 2. Beliau didakwa menerbit dan membahagi-bahagikan surat-surat yang mengandungi perkataan Hadzat Ahmad Qadiani selaku Imam Mahdi yang kononnya telah diberi wahyu, pada bulan Mei dan Jun 1981 kepada guru dan kakitangan Sekolah Kebangsaan Tengku Bendahara di sekolah tersebut.
 3. Abdul Rahim didakwa telah membahagi-bahagikan surat-surat mengandungi ajaran-ajaran, kepada pegawai-pegawai pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri bertujuan memberi pengajaran di dalam hukum syara berlawanan dengan sah di dalam warta Kerajaan Negeri bertarikh 4^{hb} Jun 1981.
 4. Abdul Rahim didakwa telah menerbit dan membahagi-bahagikan surat-surat yang mengandungi perkataan Ahmad sebagai Imam Mahdi atau al-Imam Mahdi atau al-Masih alaihisalam yang berlawanan dengan iktikad Ahli Sunnah wal

⁷¹ Utusan Malaysia, 8^{hb} Februari 1982.

Jamaah, kepada penduduk-penduduk Kg. Bendahara dan Hutan Palas, Kodiang pada bulan Mei dan Jun 1981.

Di Mahkamah Tinggi Alor Star, beliau memohon supaya dikeluarkan perintah tegahan kepada Mahkamah Kadi Kota Star di bawah Seksyen 25(2) Jadual kepada Akta Pentadbiran Kehakiman. Abdul Rahim yang diwakili oleh peguambela Encik R.C.Murugeson telah berjaya mendapat pelepasan dari didakwa di Mahkamah Kadi Kota Star atas hujah-hujah berikut:

1. Berdasarkan keputusan Majlis Fatwa, Abdul Rahim telah disifatkan sebagai bukan Islam.
2. Oleh yang demikian, Abdul Rahim tidak boleh dibicarakan atas keempat-empat tuduhan tersebut di Mahkamah Syariah kerana undang-undang mengatakan seseorang bukan beragama Islam tidak boleh dibicarakan di Mahkamah tersebut.

Pada 30^{hb} Mei 1983, Hakim Mustafa Husein telah mengeluarkan perintah tegahan tidak menghadapkan Abdul Rahim di Mahkamah Kadi atas alasan beliau bukan dari golongan Islam berdasarkan fatwa-fatwa dari Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah.⁷² Oleh yang demikian, beliau telah dibebaskan dari keempat tuduhan tersebut.

⁷² Utusan Malaysia, 31^{hb} Mei 1983.

Lihat juga The Malayan Law Journal, 1983, him. 370.

v). **Tindakan Selanjutnya Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah**

Setelah Mahkamah Tinggi Kota Star menerima rayuan Abdul Rahim, segala pertuduhan kepada beliau telah digugurkan. Namun begitu pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah telah mengambil tindakan memisahkan beliau dan isteri memandangkan isteri beliau tidak mengikuti ajaran tersebut.⁷³

vi). **Perkembangan Terkini**

Abdul Rahim Haji Bahauddin masih menetap di Kedah bersama keluarga dan terus berpegang dengan ajaran Qadiani. Beliau masih terlibat dengan program yang dianjurkan oleh Jemaat Ahmadiyah Malaysia sama ada dijalankan di Kedah ataupun di pusat gerakan di Baitussalam, Kg. Nakhoda, Selangor. Beliau mendakwa tidak mendapat tentangan isteri untuk terus mengikuti ajaran Qadiani. Ketika ditemui di program anjuran Jemaat Ahmadiyah Malaysia, Jalsah Salanah ke 11, beliau turut diiringi dua orang anak lelaki beliau yang didakwa mengikut Jemaat Ahmadiyah berusia 14 dan 10 tahun.

vii). **Penutup**

Ajaran Qadiani masih lagi wujud dan terus berkembang di Negeri Kedah walaupun bilangan ahlinya agak terhad memandangkan kesukaran untuk mengadakan program serta mengumpulkan ahli-ahli. Salah seorang

⁷³ Rujuk *Lampiran H*.

dari pengikut Qadiani yang masih setia ialah Cikgu Abdul Rahim Haji Bahauddin yang telah memperturunkan ajaran tersebut kepada anak-anak beliau. Tindakan undang-undang melalui Mahkamah Syariah tidak mampu mengganggu gugat keyakinan beliau, tambahan pula tiada sebarang peruntukan undang-undang melalui Jabatan Agama boleh dikuatkuasakan kepada pengikut-pengikut Qadiani.

b). Kajian Kes Pengikut Ajaran Qadiani Di Wilayah Persekutuan

Kajian ini dijalankan bagi mengikuti perkembangan ajaran Qadiani di Wilayah Persekutuan terutamanya perkembangan Mohamad Zain bin Haji Hassan, salah seorang pengikut Qadiani yang pernah menerima surat saman dari Mahkamah Kadi Besar Wilayah Persekutuan.

i). Latar belakang Mohamad Zain bin Haji Hassan

Nama : Mohamad Zain bin Haji Hassan

Alamat : 10A, Jalan Nakhoda Kanan, Kg. Nakhoda
68000 Batu Caves, Selangor

Tarikh Lahir : 1920

Pekerjaan : Bersara

Sebelum ini beliau menjalankan perniagaan makanan di Jalan Melaka, Kuala Lumpur. Sekarang bergiat dalam bahagian penerbitan Jemaat Ahmadiyah Malaysia.

ii). **Mula Terlibat Dengan Qadiani⁷⁴**

Mula menerima ajaran Qadiani pada tahun 1955 dari salah seorang pengikut ajaran tersebut yang berasal dari Singapura bernama Ahmad bin Nadi. Setelah bergiat cergas menyebarluaskan ajaran Qadiani kepada penduduk kampung (ketika itu beliau tinggal di Kg. Keramat), beliau telah diberi notis supaya keluar dari Kg. Keramat. Beliau telah mengemukakan rayuan kepada pegawai daerah (seorang Inggeris) berhubung dengan notis tersebut dan kemudiannya telah diberi tempat penginapan baru di Sg. Tua, Selangor, sebelum berpindah secara tetap ke Kg. Nakhoda.

iii). **Kegiatan⁷⁵**

Pernah mengeluarkan beberapa risalah mengenai ajaran Qadiani, diantaranya:

1. Risalah yang mengandungi hujah-hujah berdasarkan hadis-hadis Nabi mengenai kegiatan Imam Mahdi akhir zaman; dikeluarkan pada 6^{hb} Ogos 1978. Risalah ini diedarkan kepada orang ramai di Pasar Chow Kit.
2. “**Bulan Dakwah**”, dikeluarkan pada 2^{hb} Disember 1978 kepada orang ramai di Stesyen Bas Puduraya.
3. “**Imam Mahdi**”, Dikeluarkan pada 25^{hb} Mei 1979 dan diedarkan di Masjid Negara.

⁷⁴ Wawancara dengan Mohammad Zain bin Hj. Hassan pada 8^{hb} Jun 1998.

⁷⁵ Mohammad Zain bin Hj. Hassan, *Surat Menyurat Di Antara Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Dengan Jemaat Ahmadiyah*, t.t., t.c., Kuala Lumpur; Jemaat Ahmadiyah, hlm. 4,5 dan 20.

4. Berhubung melalui surat dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan tujuan meminta pandangan jabatan tersebut terhadap risalah-risalah Imam Mahdi yang beliau edarkan.

Lanjutan dari surat menyurat tersebut satu perjumpaan telah diadakan antara pengikut-pengikut ajaran Qadiani dan wakil dari JAWI pada 4^{hb} Februari 1980.⁷⁶ Pihak Qadiani diwakili oleh Haji Zainal Abidin bin Baharuddin, Mohammad Zohdi bin Fadzli, Mubarak bin Ahmad, Hassan bin Nor dan Mohammad Zain bin Haji Hassan sendiri. Manakala JAWI diwakili beberapa pegawai serta mufti Negeri Selangor. Perbincangan berkisar sekitar pegangan Qadiani tentang Imam Mahdi. Perjumpaan berkesudahan tanpa penyelesaian.

iv). Saman Dikeluarkan

Mohammad Zain masih meneruskan kegiatan menyebarkan risalah-risalah kepada orang ramai. Pada 25^{hb} Julai 1980, beliau telah mengedarkan risalah berbentuk penjelasan yang lengkap tentang kedatangan Imam Mahdi dan mendakwa persoalan-persoalan tersebut tidak dijawab oleh pihak JAWI sebelum ini. Risalah tersebut diedarkan di Masjid Negara lebih kurang 1200 buah. Tindakan beliau cuba dihalang oleh dua orang pegawai penguatkuasa JAWI, Ustaz Rasol bin Taib dan

⁷⁶ *Ibid*, hlm. 20.

Ustaz Muhd Nor bin Kasim tetapi tidak dipatuhi. Mohammad Zain kemudiannya diarahkan hadir ke pejabat JAWI pada pukul 3.00 petang hari berkenaan. Beliau telah diberikan surat saman No. 174/80 dan diminta hadir untuk perbicaraan pada 27^{hb} Ogos 1980 bagi menjawab pengaduan oleh pihak Pendakwara Fasal 175 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan 1974.⁷⁷ Mohammad Zain telah hadir di Mahkamah Syariah pada tarikh berkenaan, tetapi telah dimaklumkan bahawa nama beliau tidak tercatit dalam senarai mereka yang disaman.

v). Penutup

Kes Mohammad Zain bin Haji Hassan telah ditutup tanpa sebarang usul penangguhan. Sekarang, beliau masih bergiat cergas di Kg. Nakhoda bersama-sama Qadiani dan masih lagi aktif menulis risalah-risalah. Pendakwaan tidak dapat dijalankan memandangkan pihak JAWI terutamanya bagi pegawai penguatkuasa tidak mempunyai bidang kuasa (pada ketika itu)⁷⁸ untuk menangkap atau membicarakan pesalah-pesalah terutama mereka yang telah mengikuti ajaran Qadiani yang sebelum ini difatwakan sebagai terkeluar daripada ajaran Islam.

Berdasarkan kes-kes yang dikemukakan membuktikan bahawa ajaran Qadiani telah tersebar ke negeri-negeri lain di Malaysia. Perkembangan ini tidak berjaya ditangani melalui tindakan undang-

⁷⁷ Rujuk *Lampiran I*.

⁷⁸ Wawancara dengan Ustaz Rasol bin Taib pada 22^{hb} Jun 1998.

undang memandangkan tiada peruntukan yang sesuai boleh dikenakan kepada pengikut Qadiani. Ini ekoran dari fatwa yang telah dikeluarkan bahawa pengikut Qadiani terkeluar dari golongan Islam.

5. Qadiani di Sabah

Perbincangan mengenai Qadiani di Sabah dibuat secara khusus memandangkan Sabah merupakan negeri yang mempunyai bilangan pengikut Qadiani paling ramai di Malaysia. Penulis akan membicarakan tentang sejarah kemasukan serta perkembangan terkini Qadiani di Sabah.

a). Sejarah Kemasukan Qadiani di Sabah

Ajaran Qadiani dijangka bertapak di Sabah sekitar tahun 1939 atau 1940 apabila salah seorang pengikutnya bernama Kunhi Abdul Kadir datang ke Pulau Labuan untuk bermiaga.⁷⁹ Kunhi Abdul Kadir (meninggal dunia 1961) lebih dikenali sebagai tauke Abdul Kadir berasal dari Madras, India telah memulakan perniagaan makanan serta pakaian di sana. Kedatangan beliau diikuti oleh seorang rakan bernama Mohamad Kunhi (meninggal dunia 1958). Atas daya inisiatif mereka berdua, bilangan pengikut ajaran ini telah bertambah kepada empat orang dengan baiahnya Sukarman bin Ahmad Nasran (meninggal dunia 1981) serta Salim Shah Bakridan Shah (meninggal dunia 1969). Keempat-empat pengikut Qadiani

⁷⁹ Mohd Dantalmura Haji Yusof, Sekitar Peristiwa Sejarah Bermulanya Jemaat Ahmadiyah Bertapak Di Sabah, *Risalah*, 1987, hlm. 1.

beserta keluarga mereka merupakan kelompok pertama menggerakan ajaran tersebut di Sabah.

Sekitar tahun 1946 atau 1947, seorang pengikut Qadiani berbangsa Pakistan bernama Dr. B.D. Ahmad (1896 - 1961), berkhidmat sebagai doktor tentera dalam British Army semasa Perang Dunia Kedua telah datang ke Labuan.⁸⁰ Selain sibuk mengendalikan klinik, Dr. B. D. Ahmad juga bertanggungjawab mengatur pentadbiran gerakan Qadiani serta telah menerbitkan majalah jemaat yang pertama bertajuk "*PEACE*" (*A Malay - English Quarterly issued by the North Borneo Mission of the Ahmadiyya Movement in Islam*).

Kemantapan gerakan Qadiani di Sabah turut dibantu oleh mubaligh-mubaligh yang ditugaskan ke Sabah. Sekitar tahun 1947, mubaligh pertama telah dihantar oleh pentadbiran pusat Qadiani ke Sabah ialah Mohd Zohdi bin Fadzli.⁸¹ Selain daripada beliau, beberapa orang mubaligh lain turut dihantar ke Sabah silih berganti bagi memastikan kelancaran tarbiyah Qadiani. Antaranya ialah Saeed Ansari, Mirza Idris, Ghulam Hussein Iyaz dan Basharat Ahmad Nasim.

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ *Ibid.*, hlm. 2. Mohd Zohdi bin Fadzli dilahirkan pada tahun 1918 dan sekarang berusia lebih kurang 80 tahun. Beliau merupakan orang Malaysia pertama dilantik menjadi mubaligh Qadiani.

Menerusi daya usaha mubaligh Basharat Ahmad Nasim, permohonan mendaftarkan gerakan Qadiani sebagai sebuah persatuan di Sabah telah diluluskan pada 24^{hb} Januari 1967, menggunakan nama "*Tahrik-i-Jadid Ahmadiyya Muslim Association Sabah*". Kelulusan ini sebagai pembuka jalan untuk Qadiani terus bergerak secara rasmi dan lebih sistematik. Sehubungan dengan itu, sebuah "*Mission House*" telah ditubuhkan di Batu 1½ Sunny Garden, Jalan Tuaran sebagai pusat gerakan. Antara program tetap pada ketika itu ialah Mesyuarat Perhimpunan Agong yang berlangsung selama 3 hari setiap tahun dengan mengumpulkan semua anggota dari seluruh Sabah.

Tugas pengurusan Qadiani di Sabah telah diambil alih oleh Haji Mohd Dantalmura Haji Yusof selaku President di Sabah pada tahun 1972. Program-program terus berjalan lancar sehingga Majlis Fatwa Kebangsaan mengumumkan pengharaman ajaran Qadiani pada 18^{hb} Jun 1975. Rentetan dari fatwa tersebut, pada 16^{hb} Disember 1984, Kerajaan Negeri Sabah telah mengeluarkan arahan bertulis pembatalan pendaftaran nama "*Tahrik-i-Jadid Ahmadiyya Muslim Association Sabah*" serta segala kegiatannya diharamkan.

Berbagai langkah telah diambil oleh kerajaan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) bagi memastikan ajaran ini tidak terus tersebar. Namun pengikut-pengikut

Qadiani masih tetap berpegang teguh dengan keyakinan mereka. Hingga kini, pengikut Qadiani yang aktif di Sabah dianggarkan sekitar 500 orang dengan majoritinya adalah rakyat tempatan.⁸²

b). Perkembangan Terkini Qadiani di Sabah

Ajaran Qadiani terus berkembang di Sabah walaupun pertubuhan tersebut yang sebelum ini menggunakan nama "*Tahrik-i-Jadid Ahmadiyya Muslim Association Sabah*" telah diharamkan. Menerusi lapuran akhbar, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) Cawangan Sabah telah mengesahkan tentang kegiatan penyebaran ajaran Qadiani masih bergerak aktif terutamanya di ibu negeri, Sandakan dan beberapa kawasan Pantai Timur Sabah. Antara kejadian terbaru yang berjaya dikesan ialah ketika sambutan Aidiladha lalu apabila sekumpulan pengikut Qadiani melakukan solat sunat Aidiladha beramai-ramai di sebuah kawasan yang dipercayai markas mereka di Tawau.

Bermula dengan sebuah "*Mission House*" di Sunny Garden, Kota Kinabalu, kini telah bertambah menjadi 9 buah pusat gerakan Qadiani di Sabah. Pertambahan ini seiring dengan pertambahan bilangan pengikut dan juga bagi memudahkan ahli-ahli menunaikan solat Jumaat juga mengikuti program-program lain. Antaranya ialah di Tawau, Labuan, Kg. Lingkungan, Keningau, Sandakan, Kunak, Semporna dan Telipok.

⁸² Berita Harian, 17^{hb} April 1998. Kenyataan ini diperakui oleh Abdul Rahim bin Haji Bahauddin, *op.cit.*, hlm. 37.

Program-program juga turut diadakan di rumah pengikut-pengikut Qadiani terutamanya mereka yang tinggal jauh dari mana-mana "*Mission House*".

Program-program yang dijalankan di "*Mission House*" di Sabah tidak jauh berbeza dengan program-program yang dilaksanakan di Baitussalam, Kg. Nakhoda juga cawangan-cawangan Qadiani di seluruh Malaysia. Namun begitu, Jalsah Salanah atau perhimpunan tahunan ahli-ahli Jemaat Ahmadiyah turut diadakan di Sabah pada setiap bulan Mei mewakili gerakan ini di Malaysia Timur. Program tersebut diadakan secara bergilir-gilir antara "*Mission House*" d Sunny Garden, Kota Kinabalu atau Sandakan. Ianya turut dihadiri bukan sahaja pengikut-pengikut Qadiani di Sabah bahkan dari Semenanjung Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Mubaligh-mubaligh Qadiani di Sabah turut berperanan menyebarkan ajaran ini dikalangan penduduk-penduduk Sabah yang berugama Kristian juga golongan bumiputra yang tidak mempunyai sebarang anutan kepercayaan. Sehubungan dengan usaha tersebut, pengikut-pengikut ajaran ini terdiri dari berbilang suku kaum. Antaranya Dusun, Bajau, Suluh, Bisaya, Cina dan lain-lain.

Selain daripada itu, masyarakat Islam yang masih longgar dengan ajaran Islam turut tertarik dengan ajaran Qadiani dan turut baah untuk menyertainya.

Pentadbiran Qadiani di Sabah diuruskan oleh seorang president. Selepas kematian president yang pertama, Haji Mohd Dantalmura bin Haji Yusof, jawatan tersebut telah diambil alih oleh Sarifuddin bin Bujing dari suku kaum Bisaya. Selain dibantu oleh beberapa orang ahli jawatankuasa lain, beliau turut mendapat kerjasama mubaligh yang dihantar bertugas di sana iaitu Ahmad Hidayatullah (seorang Indonesia).

Apa yang dapat disimpulkan ialah pergerakan Qadiani terus bergerak cergas di Sabah dengan penambahan bilangan ahli walaupun ianya pernah diharamkan suatu masa dahulu. Kepercayaan pengikut yang begitu kukuh pada ajaran Qadiani serta diwariskan kepada generasi terkemudian memungkinkan ajaran ini terus bertapak di Sabah. Sebagaimana sepatah kata salah seorang ahli Jawatankuasa Qadiani di Sabah, Faizal bin Ahmad, bahawa mereka akan terus bergerak menjalankan misi dakwah mengislamkan orang-orang di Sabah dengan cara mereka, begitu jugalah gambaran perkembangan serta kesungguhan mereka terhadap pegangan mereka.⁸³

⁸³ Wawancara dengan Faizal bin Ahmad pada 8^{hb} Ogos 1997. Beliau dilahirkan pada 15^{hb} Mac 1956 di Kota Kinabalu, Sabah. Merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Jemaat Ahmadiyah di Sabah.

6. Faktor-faktor Qadiani Diterima Di Malaysia

Merujuk kepada peningkatan ahli Qadiani dari hari ke hari walaupun dalam kadar yang perlahan, jelas menunjukkan bahawa ajaran ini terus diterima di Malaysia. Kerancakan program di Baitussalam terutamanya, berjaya mengumpulkan pengikut-pengikut Qadiani dalam satu perhimpunan yang besar tidak seharusnya dipandang ringan oleh semua pihak.

Antara faktor-faktor Qadiani terus diterima di Malaysia ialah:

- a. Ketidakjelasan sesetengah umat Islam tentang perkara pokok agama disertai dengan kejahilan mendorong mereka menerima ajaran Qadiani tanpa kajian. Berdasarkan penelitian penulis, sebahagian besar pengikut Qadiani bukan berlatarbelakangkan pendidikan agama.
- b. Faktor keturunan turut membantu perkembangan Qadiani di Malaysia. Kebanyakkan daripada pengikut-pengikut Qadiani menerima ajaran tersebut secara warisan dari orang tua serta sanak saudara mereka. Pendedahan tentang Qadiani bermula seawal kelahiran mereka telah menjadikan ianya sebatи dan terus diamalkan serta diperwarisikan kepada golongan kemudian.

- c. Peranan pemimpin serta mubaligh-mubaligh Qadiani merupakan aset penting Qadiani terus bertapak di Malaysia. Mereka begitu bersungguh-sungguh menjalankan tugas menyebarkan ajaran ini kepada segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama serta keturunan. Golongan ini juga tidak memilih tempat-tempat tertentu untuk menyebarkan fahaman mereka bahkan mereka turut menerokai kawasan-kawasan pendalam yang jarang dilakukan oleh pendakwah-pendakwah Islam. Mubaligh-mubaligh Qadiani yang telah menerima latihan khusus di Rabwah bukan sekadar menyebarkan ajaran Qadiani bahkan juga memberi bantuan kepada golongan-golongan yang kurang upaya. Usaha-usaha ini telah mendekatkan orang ramai kepada mereka terutama golongan yang tiada pegangan agama juga mereka yang masih tiada asas agama yang kukuh.
- d. Metod-metod penyebaran yang digunakan oleh mubaligh Qadiani turut membantu agar ajaran tersebut diterima umum. Antaranya menyamakan ajaran Qadiani dengan ajaran Islam serta tidak menimbulkan jurang perbezaan antara keduanya. Cara ini telah menarik minat serta simpati pendengar yang kurang jelas tentang Islam.

- e. Selain daripada itu, keberanian mubaligh-mubaligh Qadiani membahaskan perkara-perkara akidah menggunakan logik akal berjaya menarik minat golongan yang cenderung mendalam Islam tetapi masih jahil. Isu-isu Imam Mahdi, Nabi Isa serta perkara berhubung dengan wahyu dan kenabian menjadi agenda utama perbahasan bersumberkan logik akal dan nas-nas. Pengikut-pengikut Qadiani mendakwa perkara-perkara seperti itu tidak mereka perolehi dengan ulama-ulama Islam lain yang kelihatan ragu-ragu membuat penentuan siapakah Imam Mahdi dan Nabi Isa yang dijanjikan dalam al-Quran.
- f. Tiada usaha yang bersepada dan bersungguh-sungguh dari pihak-pihak berkenaan dalam menangani isu Qadiani terutama selepas pengisytiharan ajaran Qadiani terkeluar dari ajaran Islam oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Alasan ketiadaan peruntukan undang-undang yang khusus untuk golongan Qadiani dan seumpamanya sering diketengahkan oleh pihak-pihak berwajib membuka ruang yang seluasnya kepada Qadiani untuk terus bergerak dan menambahkan bilangan pengikut sama ada dari kalangan orang Islam dan sebaliknya.
- g. Seterusnya faktor perkahwinan hasil dari kelonggaran sistem perkahwinan di Malaysia turut membantu Qadiani berkembang.

Sistem perkahwinan Qadiani membenarkan golongan pemudanya mengahwini perempuan-perempuan dari kalangan bukan Qadiani disamping tiada kawalselia ketat pihak berwajib dalam proses perkahwinan mereka mengheret golongan wanita yang kurang pengetahuan agama Islam bersama Qadiani.

Berdasarkan faktor-faktor di atas, dapatlah dirumuskan bahawa Qadiani di Malaysia telah berjaya mengukuhkan kedudukannya dan telah berakar umbi dari generasi ke generasi hasil dari ketidakprihatinan masyarakat Islam.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di dalam bab ini, dapatlah dirumuskan dua perkara. Pertama; Sejarah kemunculan ajaran Qadiani mempunyai hubungkait dengan peranan yang dimainkan oleh Inggeris. Pergerakan secara tidak langsung ini telah dijadikan sebagai batu loncatan dalam usaha Inggeris untuk melemahkan umat Islam.

Kedua; Perkembangan ajaran Qadiani di Malaysia atau lebih dikenali sebagai Jemaat Ahmadiyah Malaysia walaupun dalam bentuk yang agak perlahan, ekoran dari fatwa dari Majlis Fatwa Kebangsaan, namun penuh sistematik serta berperancangan rapi. Sistem organisasi dan program-program yang tersusun, hubungan baik peimpin dengan ahli serta

kebijakan ahli-ahli terjaga memungkin Jemaat Ahmadiyah Malaysia masih bertahan serta mendapat simpati segelintir masyarakat. Pegangan serta keyakinan pengikut-pengikut kepada ajaran Qadiani sebagaimana yang diperkenalkan oleh Mirza, begitu kukuh.

Seterusnya dalam bab yang ketiga, penulis akan membincangkan bentuk-bentuk serta konsep-konsep utama di dalam ajaran Qadiani yang menjadi pegangan utama pengikut-pengikut ajaran tersebut.